

25-922

DAUD IBRAHIM

**SIAPA
GUGUR**

Wajah Kota (M) Sdn. Bhd.
28M-10, Flat Loke Yew
KUALA LUMPUR. Malaysia.
1993

SIAPA GUGUR

**Cetakan Pertama September 1993
© DAUD IBRAHIM 1993**

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh disalin semula, disimpan kekal atau dipindah sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit secara bertulis.

Diterbitkan oleh:
Wajah Kota (M) Sdn. Bhd.
28M-10, Flat Loke Yew,
Jalan Loke Yew
55200 KUALA LUMPUR.

Diatur buruf oleh:
IQ COMMUNICATION
P.O. Box 10653,
50720 KUALA LUMPUR.

*Muka Taip Teks: Garamond
Saiz Taip Teks: 12/14poin*

*Dicetak oleh
Istiramai Enterprise Sdn. Bhd.
No. 6 & 12, Jalan Nirwana 37,
Taman Nirwana,
68000 Ampang, Selangor.*

324.2209595
ISBN: 983-9824-07-4
Daud
Harga RM8.00

**APB 714548 =
08 NOV 1994**

**NASKHAR PEMERINTAHAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

Dedikasi buat:

Juliana Azid... walau beribu
bintang di langit, bulan juga
dipuja orang.

Kandungan

Prakata	vii
Mukadimah	x
1. Anwar Vs Ghafar: Dr. M Sokong Siapa	1
2. Pak Lah:- Untung Batu Tenggelam.	11
3. Politik Sabah: Siapa Tipu Siapa.	20
4. Ke mana Tok Mat selepas ini?	28
5. Kelab MB/KM Terperangkap	42
6. Sanusi Orang Ghafar.	56
7. Pengorbanan Musa Hitam	65
8. Muhyiddin Selepas Musa	76
9. Teori R.A.H.M.A.N Siapa Untung	81
10. Kemana Annuar Musa	90
11. Yusuf Noor... Antara Politik Dengan Agama	99
12. Kenapa Anwar Lawan Ghafar	112
13. Apa Tugas Muhyiddin & Syed Hamid	125

Prakata

ENGAN nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Segala puji bagiNya dan dipanjatkan rasa syukur yang amat sangat kerana berjaya juga akhirnya buku ini disiapkan walaupun saya sentiasa sibuk dengan tugas dan tanggungjawab lain yang juga menuntut disegerakan.

Tulisan berbentuk buku ini merupakan siri ketujuh catatan serius saya telah **Musnahnya Empayar Mingguan Perdana, UMNO Pas Realiti & Mimpi Wartawan Politik, Politik Balak & Kobena** (*tidak dipasarkan atas sebab-sebab yang tertentu*), **Apa Strategi Musa Hitam?, Mengapa Muhyiddin Tidak Popular dan Antara Kebal & Bebal.**

Seperti biasa saya masih menulis di beberapa akhbar mingguan mengenai perkembangan politik semasa. Oleh itu, ada beberapa pihak yang 'hilang sabar' dengan saya apabila tulisan itu tidak menguntungkan mereka. Pada 26hb. Mac 1993 bersamaan dengan 2 Syawal 1403, ketika saya mengunjungi rumah seorang kawan untuk berhari

PRAKATA

raya, seorang bekas Bendahari UMNO Bahagian telah 'naik angin' dengan saya apabila saya tidak menyetujui pendapatnya mengenai UMNO dan kecamannya yang amat keterlaluan terhadap Encik Aziz Yassin, Ketua UMNO Bahagian Muar.

Pada saya, Aziz pernah berjasa terhadap mana-mana Pegawai UMNO Bahagian yang dilantiknya termasuk Setiausaha, Ketua Penerangan dan Bendahari. Begitu juga dengan lain-lain Ahli Jawatankuasa tambahan dan Setiausaha Kerja UMNO Bahagian.

Soal tidak bersetuju dan tidak sependapat adalah perkara biasa di dalam berpersatuan, berharakah dan bersiasah. Tetapi niatnya hanya satu, untuk meneruskan perjuangan murni Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn yang telah pergi dan kini diteruskan oleh YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Saya berpendapat, jika kita tidak sefahaman dengan Ketua Bahagian yang pernah melantik kita membantu UMNO Bahagian pimpinan Ketua Bahagian itu, bukan bermakna kita harus 'benci' kepada UMNO kerana antara UMNO Bahagian dengan Ketua Bahagian adalah dua perkara yang berbeza.

UMNO tetap parti yang telah membuktikan

PRAKATA

jasanya terhadap bangsa Melayu dan negara Malaysia ini tetapi ketua-ketua UMNO Cawangan, Bahagian, Negeri dan Presidennya silih bertukar ganti. Tewasnya Tan Sri Sulaiman Ninam Shah di tangan Haji Kahar Ahmad tidak bermakna UMNO Muar harus berkubur. Begitu juga apabila Kahar tidak bersama-sama UMNO lagi kerana menyertai Semangat 46, UMNO Muar terus hidup di bawah pimpinan sementara Mohd Nor Mohd Dom sebelum diambil alih oleh Aziz. Begitulah seterusnya sesiapa sahaja boleh mengetuai dan memimpin UMNO tetapi UMNO tidak perlu dibenci kerana kita bencikan pemimpinnya.

Saya rakamkan kejadian itu dan kesempatan ini saya ambil menyusun jari sepuluh memohon maaf kepada tuan rumah di mana kejadian hilang sabar itu berlaku di rumahnya di Parit Jawa, Muar, Tuan Haji Salleh Hasbollah, isterinya Puan Ros dan anak-anaknya, tetamu mereka Penghulu Musauddin dan isteri serta Mejar (B) Haji Khalil Osman yang ada bersama-sama ketika kejadian itu.

Mac 27, 1993
Jalan Loke Yew,
KUALA LUMPUR.

(

Mukadimah

 I dalam pemilihan UMNO tahun 1990, sahabat saya seorang penulis terkenal Mohd Sayuti Omar (MSO) menulis dan menerbitkan sebuah buku bertajuk **Anwar Ibrahim – Mimpi & Realiti**, terdapat dua pihak yang berlainan pendapat menerjahkan kata-kata yang berupa perlisikan kepada penulis ini.

Kedua-dua pendapat itu tidak menguntungkan MSO sebaliknya memberikan aib kepadanya kerana kata-kata itu merupakan ‘penghinaan’ daripada orang-orang politik kepada penulis.

Pendapat pertama bertanya siapakah yang mengupah kamu (MSO) menulis bertujuan menekan Anwar dan kalau boleh mengalahkannya (Anwar) di dalam persaingan dengan Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri Sanusi Junid, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin.

Apabila ada pertanyaan-pertanyaan sedemikian, bermakna penulis-penulis di Malaysia hanya akan menulis jika diupah dan menulis bukan

berdasarkan prinsip-prinsip dan etika kewar-tawanan tulis.

Mereka berpendapat penulis tidak mampu untuk menulis tanpa diupah lantas menerbitkan buku itu yang semestinya memerlukan ongkos atau biaya yang bukan kecil untuk urusan percetakan dan pengedaran ke seluruh Malaysia termasuk Brunei Darussalam.

Jika tohmahan dan kecaman ini diterima secara negatif, saya percaya semakin ramai penulis yang berundur kerana tidak tahan dengan tuduhan-tuduhan seumpama itu. Jika ini berlaku, penulis politik yang kecil bilangannya akan lenyap langsung dari dunianya.

Tidak sampai 10 (sepuluh) penulis politik yang aktif menulis di negara ini tetapi terdapat ratusan malahan ribuan penulis kreatif yang terjun ke dunia penulisan melalui genre puisi, cerpen dan novel yang mana audiennya bukan dari kalangan *politician*.

Pendapat kedua pula bertanya kepada MSO berapa Anwar baginya untuk menyiapkan buku itu bagi tujuan 'menarik simpati' perwakilan. Soalan ini sudah pasti mengecewakan Anwar kerana beliau sendiri belum pernah mengenali MSO sebelum itu tetapi yang lebih 'menderita jiwanya' ialah MSO dan penulis-penulis yang juga senasib dengan beliau.

Oleh itu, apabila saya menyiapkan buku ini hati saya juga tertanya-tanya adakah nanti saya juga akan menerima nasib yang serupa kerana seorang dua individu tersentuh secara serius di dalam tulisan ini.

Bagi saya, menulis sebuah buku politik tidak sama dengan menyiapkan sebuah novel. Penulis-penulis novel di negara ini sudah banyak diberikan perhatian kerajaan dengan menganjurkan pelbagai sayembara bertujuan membela nasib mereka.

Berbeza dengan nasib penulis-penulis buku politik, bukan sahaja sering dicap sebagai penulis upahan, malahan sering diserang dengan rasa takut disebabkan tiada penerbit yang sanggup menerbitkan buku-buku politik, tiada pencetak yang sanggup mencetak buku-buku seumpama ini selain daripada tiada penjual yang sanggup menjual buku-buku jenis ini.

Saya menjadikan penulisan buku-buku politik ini sebagai tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara. Tiada penulis yang sanggup menulis untuk tujuan rujukan dan fakta sejarah kerana ianya tidak memberi apa-apa ganjaran lumayan.

Lebih-lebih lagi, menulis mengenai pergolakan politik negara, sedikit sebanyak akan menyentuh kepimpinan negara. Suka ataupun tidak Perdana Menteri, Timbalannya, Menteri-menteri dan para pemimpin akan disentuh menyebabkan mereka

akan melenting. Maklumlah, sudah menjadi adat, tiada manusia yang suka ditegur.

S. H. Alattas banyak menulis mengenai ramalannya terhadap nasib seseorang pemimpin yang menang ataupun kalah di dalam pertandingan.

Mohd Sayuti Omar banyak mengkritik tokoh-tokoh tertentu manakala **Ahmad Lufti Othman** dan **Tarmizi Mohd Jam** sering mendedahkan kepincangan.

Masalah paling besar yang dihadapi penulis dan penerbit buku-buku politik ialah tiada pencetak yang sanggup mencetak dan tiada penjual yang sanggup menjual buku-buku jenis ini.

Itulah sebabnya ada penulis dan penerbit yang mencetak buku-buku mereka di luar negeri walaupun kosnya jauh lebih tinggi.

Ingatlah **jika anak harimau sudah biasa diberi makan daging, jika kita cuba menukar kepada sayur, maka daging tangan kita akan digigitnya**. Waktu itu jangan menyalahkan 'anak harimau' kerana ianya diajar oleh kita sendiri.

Walaupun UMNO kini bukan milik mutlak orang-orang Melayu dengan penyertaan kaum bumiputera dari Sabah dan kaum Portugis dari Melaka **bukanlah bermakna keseluruhan semangat UMNO perlu diubah serentak**. Parti ini masih memerlukan adab dan budaya Melayu

yang meletakkan agama Islam sebagai pegangan sejati.

Jika undi sudah dibeli dan jika sokongan dijadikan alat komersil maka hilanglah maruah bangsa dan akhirnya orang berduit sahaja yang menguasai UMNO sebaliknya **pejuang sejati dan ikhlas akan tersingkir kerana mereka bukan tidak berwang tetapi tidak sanggup menggunakan wang untuk mencari undi dan sokongan**. Malahan mereka sedar penggunaan wang ataupun politik wang akan menyebabkan UMNO terjun ke lembah kehinaan.

Saya menyeru semua pembaca dan pengikut setia tulisan saya supaya memikirkan sejenak pesanan ini dan ketepikanlah keseronokkan menerima wang tanpa bekerja kerana **kerusi perwakilan yang kita duduki hari ini adalah amanah dari perwakilan** di bahagian kita yang tidak bernasib baik seperti kita.

Satu undi kita bukan bermakna hak mutlak kita dan boleh ditukar dengan sogukan dan janji-janji sebaliknya ia adalah ujian Allah kepada kita untuk melihat atau mengukur kebersihan jiwa kita. Wang ataupun hadiah bukan tidak boleh diterima tetapi ianya bukan merupakan *butter trade* dengan undi.

Jika kita memilih pemimpin kerana wang ringgit, maka kita tergolong dalam golongan

MUKADIMAH

yang ‘menyumbangkan saham’ ke arah menghancurkan UMNO yang dicintai. Sebaliknya jika kita memilih pemimpin kerana kebolehan, keikhlasan dan perjuangannya maka ‘itulah saham kita untuk mengizinkan’ UMNO meneruskan perjuangannya demi agama, bangsa dan negara.

J

Anwar Vs Ghafar: Dr. M Sokong Siapa





JANGAN marah ye ... Saya terpaksa lawan sebab anak-anak buab
desak saya lawan, agak itu kata Anuar kepada Ghafar.

GNTAH apa malangnya, era kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad, jawatan Timbalan Presiden UMNO bukanlah kerusi selamat seperti era Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Tun Hussein Onn.

Bagi Dr. M, mungkin ianya tidak menjaskan kedudukannya sebagai Presiden UMNO tetapi, berbeza dengan penyandang jawatan itu bermula dari Datuk Musa Hitam yang sentiasa ditentang Tengku Razaleigh Hamzah dan kini nasib Musa itu menimpa Abdul Ghafar Baba pula.

Jika ketika Ku Li menentang Musa, Dr. M lebih miripkan sokongan terbukanya terhadap Musa, tetapi kali ini jelas Dr. M berkecuali yang sudah ditafsirkan ahli-ahli UMNO bahawa beliau mahukan Anwar Ibrahim menggantikannya sebagai Perdana Menteri sebaik sahaja beliau berundur.

Walaupun sehingga ini belum ada satupun kenyataan yang menunjukkan Dr. M menyokong Anwar secara terbuka tetapi jika beliau benar-benar tidak mengizinkan pertandingan ini, mustahil beliau tidak berkuasa menahannya daripada terjadi.

Pengalaman Dr. M sebagai Presiden UMNO

sebenarnya sudah cukup untuknya menghalang sesuatu perkara itu berlaku misalannya bagaimana beliau lakukan terhadap Anwar sewaktu berhadapan dengan Datuk Suhaimi Kamaruddin ketika berebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

Soal Anwar mempunyai bintang yang cerah di dalam politik soal kedua yang tidak perlu diperbincangkan tetapi soal keikhlasan Dr. M membala jasa-jasa Ghafar adalah soal yang seharusnya diperkatakan setiap ahli-ahli parti yang jelas tidak berbelah bahagi komitmennya selama ini.

Tindakan Dr. M melantik Tun Datu Mustapha Datu Harun sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah juga ditafsirkan pelbagai pihak sebagai satu langkah memperkecilkan usaha-usaha Ghafar mengembangkan UMNO ke Sabah. Langkah UMNO ke Sabah yang jelas tidak mendapat sokongan terbuka ahli-ahli parti sama ada melalui percakapan ataupun Perhimpunan Agung Khas, seolah-olah kesilapan dan kesalahan Ghafar seorang.

Mengapa Dr. M tidak melantik seseorang misalannya Tan Sri Mohamed Yaakob ataupun Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail sebagai Menteri Hal Ehwal Kelantan yang jelas lebih bermasalah dari Sabah? Hakikat yang perlu diakui bahawa UMNO tidak menang satu kerusipun di

Kelantan sama ada kerusi Dewan Undangan Negeri mahupun kerusi Dewan Rakyat berbeza dengan Sabah di mana kerusi USNO secara otomatis menjadi kerusi UMNO kecualilah Datu Amirkahar Tun Datu Mustapha yang sengaja dibiarkan atas sebab-sebab mempertahankan USNO.

Anwar jikapun memenangi pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO selepas 4 November 1993 ini belum pasti menjanjikan kerusi Perdana Menteri kepadanya kerana sejarah membuktikan kerusi Timbalan Presiden UMNO di zaman Dr. M bukanlah kerusi enak seperti zaman-zaman terdahulu.

Walaupun sejarah telah membuktikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak seorang yang setia ketika menjadi Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO di bawah Anwar, tetapi jika Anwar menjadi Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, belum tentu Najib sanggup bersabar seperti Allahyarham bapanya Tun Razak yang sanggup menjadi Timbalan Perdana Menteri lebih 20 tahun di bawah Tunku Abdul Rahman.

Andaikata suatu hari nanti Najib mengambil keputusan menentang Anwar, Najib tidak boleh disalahkan kerana di zaman Najib, persaingan yang harus dihadapinya ialah pengaruh Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib dan Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin.

Jika dilihat sejarah perjuangan Najib, beliau sudah membuktikan kesetiaannya bekerja di bawah Anwar sewaktu menjadi Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Bagaimanapun jika berlakulah kemenangan kepada ketiga-tiga Naib Presiden UMNO yang beregu dengan Anwar iaitu Mohd Najib, Muhammad dan Muhyiddin, sejarah telah membuktikan dalam satu-satu zaman tidak ada nama-nama yang sama pangkal hurufnya akan bertahan apabila sampai ke satu-satu destinasi penting.

Ketiga-tiga calon Naib Presiden ini, Mohd Najib Muhammad dan Muhyiddin perlu mengingati sejarah bagaimana Hussein (Onn) yang bersaing pengaruh dengan Datuk Harun Idris yang kedua-duanya bermula dari huruf H akhirnya memperlihatkan Harun terbuang

Begitu juga dengan nasib Musa (Hitam) yang bersaing pengaruh dengan Mahathir yang menyebabkan Musa terpelanting manakala Abdul Ghafar yang tidak semena-mena terpaksa akur dengan kehendak majoriti ahli-ahli parti untuk tersingkir apabila terpaksa bersaing dengan pengaruh Anwar dan Abdullah (Ahmad Badawi).

Kali ini, jika Anwar terlepas daripada persaingan sengit ini, akan terjadilah di mana Mohd Najib, Muhyiddin dan Muhammad pula berebut sesama sendiri.

Faktor ini mungkin tidak akan diperbincangkan sekarang kerana tiada siapa yang sanggup menceritakan kisah-kisah yang diramalkan berlaku sepuluh atau dua puluh tahun akan datang sebaliknya, apabila ianya terjadi, akan ada yang mengatakan ...oh benar juga ramalan itu.

Era kepimpinan Dr. M membuktikan sekurang-kurangnya lima nama yang berpotensi untuk menjadi Perdana Menteri terpadam dengan sendirinya apabila Musa bersara dan diikuti dengan Tengku Razaleigh Hamzah yang enggan bersama-sama UMNO sekarang manakala Abdul Ghafar Baba nampaknya 'dipaksa bersara' manakala Abdullah Ahmad Badawi tersingkir dengan sendirinya apabila rakan senegerinya, Anwar lebih bernasib baik manakala Sanusi Junid terpaksa berundur ekoran tidak terlawan kehebatan Anwar di saat-saat ini.

Abdul Ghafar mungkin akan tersenarai di dalam senarai pemimpin-pemimpin UMNO yang seharusnya jadi Perdana Menteri tetapi gagal melangkah ke kerusi itu menjadikan beliau senasib dengan Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dan Datuk Musa Hitam.

Jika Ghafar mendengar nasihat bekas Timbalan Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Datuk Haji Zainal Abidin Zin supaya beliau (Ghafar) jangan

menentang Musa di dalam pertandingan tahun 1987, hari ini nasib Ghafar tidak seburuk ini.

Ideanya supaya setiap pencalonan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden mesti mendapat 10 undi subsidi akhirnya menjerut lehernya sendiri.

Ghafar hanya boleh berbangga dengan seorang Setiausaha Parlimen, Datuk Haji Abdul Raman Suliman yang jelas masih bersama-sama walaupun Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana, Datuk Dr. Suleiman Mohamed turut menghadirkan diri ke Majlis Pengisytiharan Anwar bersedia menerima percalonan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Permainan politik hari ini juga melibatkan Menteri Besar Terengganu yang seharusnya tidak melibatkan diri di dalam babak ini. Sebagai seorang Menteri Besar yang paling kanan dan paling lama, beliau sudah berkali-kali mengumumkan mahu bersara tetapi mengapakah harus mencampuri urusan politik hari ini yang tidak bermaruah dan bermoral?

Wan Mokhtar seharusnya berkecuali kerana beliau akan diangkat menjadi wakil Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri yang boleh mengadakan pertemuan dengan Ghafar dan memujuk Ghafar supaya memberi laluan kepada Anwar jika itu kehendak Dr. M.

Tetapi, langkahnya yang tidak seharusnya begitu sudah dicemari dengan pelbagai cerita kononnya beliau bimbang akan pengaruhnya dibayangi Datuk Dr. Yusof Noor.

Bukan orang tidak tahu Wan Mokhtar adalah seorang 'seteru' kepada Anwar sejak awal-awal kemasukan Anwar di dalam UMNO. Itulah sebabnya orang-orang Anwar di Terengganu termasuk Haji Awang Jabar ter-tekan. Namun sekali air bah, sekali ulama berubah. Wan Mokhtar sudah berubah sekarang, bukan tempat untuk dirujukkan sesuatu hal tetapi beliau sudah menyamakan dirinya dengan menteri-menteri lain yang tidak berpendidikan agama sepertinya.

Pilihanraya umum akan datang akan menjawab sejauh mana UMNO dan BN di Terengganu berjaya mempertahankan serangan parti-parti pembangkang khususnya PAS dan Semangat 46.

Dr. M sokong siapa di dalam pertandingan ini sudah jelas dapat dibaca dan bagi pemimpin-pemimpin yang datangnya dari satu negeri, politik menganjurkan 'membunuhan ataupun dibunuhan'.

Lihat sahaja masalah antara Wan Mokhtar dengan Yusof Noor, Syed Hamid dengan Muhyiddin, Mohamed Rahmat dengan Musa Hitam, Rahim Tamby Chik dengan Ghafar, Anwar dengan Abdullah Ahmad Badawi, Annuar Musa dengan

SIAPA GUGUR

Hussein Ahmad, Ramli Ngah Talib dengan Megat Junid, Sanusi dengan Osman Arof, Isa Samad dengan Khalid Yunus dan Muhammad Muhd Taib dengan Abu Hassan Omar.

2

Pak Lah:- Untung Batu Tenggelam





SAYA serah nasib pada Allah. Kita mana boleh tentukan sama ada kita dapat atau pun tidak jadi Perdana Menteri. Cuma, kalau Pak Ghafar sempat jadi PM, saya yakin dia akan bagi peluang saya naik begini juga dengan Sanius, dia kawan saya. Barangkali Anwar saja yang tak boleh tolong saya kalau dia naik sebab dia dari satu negeri dengan saya. Mustahil orang Penang jadi PM orang Penang juga jadi JPM... mungkin itu kata Pak Lab.

*PULAU Pinang bandar baru,
Kapten Light menjadi raja,
Bila ku kenang zaman dahulu,
Jatuh berlinang si air mata.*

AAPABILA Datuk Musa Hitam mengambil keputusan untuk bersama-sama Tengku Razaleigh Hamzah mahu menentang Dr. Mahathir Mohamad di dalam pemilihan UMNO tahun 1987, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi turut menyertai kumpulan itu yang digelar team B.

Rupa-rupanya, masih ramai Menteri dan Timbalan Menteri yang takut untuk menyatakan pendirian masing-masing kerana mereka masih tidak percaya Musa dan Ku Li boleh bersatu tetapi memegang kepada falsafah politik 'no permanent friend, no permanent enemy' maka team B akhirnya berjaya menarik hampir sepuluh 'orang-orang kanan' di dalam kerajaan menyertai mereka.

Langkah itu mereka ambil bukan kerana 'terlalu yakin' dengan pakatan Ku Li-Musa tetapi kerana kehadiran orang nombor tiga selepas Ku Li dan

Musa iaitu Abdullah Ahmad Badawi ataupun Pak Lah.

Perwatakan, karisma dan ketokohnya berjaya menarik Rais Yatim, Adib Adam, Shahrir Abdul Samad, Ajib Ahmad, Zainal Abidin Zin, Rahmah Osman, Kadir Sheikh Fadzir, Radzi Sheikh Ahmad, Ibrahim Azmi Hassan, Marina Yusof, Ibrahim Ali dan beberapa nama lagi.

Begitulah kuatnya pengaruh Pak Lah, walaupun beliau bukan calon Presiden ataupun Timbalan tetapi beliau membuktikan penerimaan kedua-dua team terhadap dirinya hingga memaksa beliau diterima semula di dalam UMNO sedangkan rakan-rakannya yang lain tercicir.

Pak Lah turut diramalkan antara salah seorang Naib Presiden UMNO yang akan kecundang di dalam pemilihan tahun 1990 apabila beliau yang masih mengekalkan kerusi Naib Presiden masih tidak diberi kepercayaan untuk menyertai semua kabinet di bawah pimpinan Dr. Mahathir.

Namun demikian, beliau akhirnya membuktikan jawatan kabinet bukan tiket untuknya mengekalkan kerusi Naib Presiden apabila terpilih semula dengan mendapat undi kedua terbanyak selepas Anwar Ibrahim. Kemenangannya kali ini seolah-olah meminta Dr. Mahathir memaafkan dan melantiknya semula duduk di dalam kabinet.

Walaupun beliau diramalkan akan memegang

jawatan Menteri Pendidikan semula atas jawatannya di dalam parti, tetapi Dr. Mahathir kemudiannya memberikan beliau peluang memimpin Kementerian Luar bagi menggantikan Datuk Abu Hassan Omar yang berpindah kementerian.

Namun demikian perlantikan semula beliau menyertai kabinet adalah sesuatu yang amat diharap-harapkan oleh ahli-ahli UMNO kerana mereka berpendapat Pak Lah adalah pemimpin yang mampu menjadi pengimbang kepada puak-puak yang terlalu ekstrim dan agresif.

Beliau yang digugurkan dari kabinet Dr. Mahathir selepas pemilihan parti 1987 menjawat jawatan Menteri Pertahanan. Sebelum itu beliau pernah memimpin Kementerian Pelajaran (Pendidikan) dan sekarang nampak lebih gagah di Kementerian Luar walaupun banyak masanya berada di luar negara.

Namun demikian, walaupun kebanyakkan orang berpendapat Kementerian Luar adalah 'laluan keluar' seseorang tetapi Pak Lah membuktikan bahawa beliau adalah 'benih yang baik' kerana **dicampak ke laut jadi pulau, dicampak ke darat jadi gunung**. Di Kementerian Luar beliau terus berjaya membina imej dirinya setelah berjaya membina imej Malaysia yang semakin terkenal di dunia luar sekarang.

Usaha-usaha Pak Lah mengharumkan nama

Malaysia nampaknya terbukti malahan beliau dikatakan lebih berjaya daripada Rais, Ku Din, Abu Hassan dan Tan Sri Ghazali Shafie. Entah apa ukuran yang mereka buat tiada siapa yang mengetahuinya namun Pak Lah telah membuktikan bahawa beliau boleh bekerja jika diberi kepercayaan.

Namun demikian, Pak Lah harus sedar bahawa beliau dibawa ke dalam arena politik oleh Dr. Mahathir tetapi nampaknya 'kiblat' politiknya ke arah Musa. Suatu ketika dahulu Musa adalah orang Dr. Mahathir maka tidaklah ketara sangat perbezaan antara orang Dr. Mahathir dengan orang Musa tetapi disebabkan Musa berpaling tадah dan mengundurkan diri, maka orang-orang Musa sentiasa dianggap sebagai *duri dalam daging* kepada Dr. Mahathir.

Satu perkara lagi Pak Lah mungkin tidak berpeluang untuk menjadi Perdana Menteri jika Anwar mendahuluinya kerana mustahil Anwar akan mengambil orang dari negerinya menjadi Timbalannya. Begitu juga dengan Anwar, impian dan cita-citanya untuk menjadi Perdana Menteri akan berkubur sekiranya Pak Lah mendahuluinya dan mustahil beliau akan mengambil Timbalannya orang dari negeri yang sama.

Atas alasan ini, Pak Lah dengan Anwar adalah saingan yang benar-benar menentukan nasib antara

satu dengan yang lain. Anwar bolehlah melupakan sahaja hasrat untuk menjadi Perdana Menteri apabila Ghafar menjadi Perdana Menteri kerana peluang untuk Ghafar melantiknya sebagai Timbalan juga adalah 'kabur' kerana hubungan yang tidak mesra antara Ghafar dengan Anwar selama ini.

Namun demikian, tidak mustahil Ghafar menerima Anwar kerana 'politik merupakan permainan mustahil'. Cuma dari congakan atas kertas Anwar tidak akan menerima Pak Lah begitu juga dengan Pak Lah tidak akan menerima Anwar. Begitu juga dengan Ghafar, serangan-serangan yang beliau terima dari 'orang-orang Anwar' selama ini termasuk 'meruntun tangan Tamrin Ghafar turun dari kerusi Penggerusi MARA' sudah cukup memberikan tamparan kepada Ghafar.

Ghafar mungkin mengambil Sanusi ataupun Pak Lah tetapi itu bukan kemestian. Begitulah saat-saat Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri apabila Hussein bersara, perkiraan awal Tengku Razaleigh Hamzah adalah calon yang paling popular untuk dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri tetapi Dr. Mahathir 'menunggu pilihan perwakilan' dengan mengosongkan kerusi Timbalan Perdana Menteri sehingga Timbalan Presiden UMNO yang dikosongkannya diisi.

Entah apa alasan Dr. Mahathir berbuat

demikian tiada siapa yang mengetahuinya tetapi dari cakap-cakap beberapa pihak yang mendakwa rapat dengannya (Dr. Mahathir) mengatakan Musa adalah kawan rapat Dr. Mahathir sejak zaman Tunku menjadi Perdana Menteri lagi.

Satu cerita lagi, Hussein ketika menjadi Perdana Menteri pada peringkat awalnya mahukan King Ghaz (Ghazalie Shafie) menjadi Timbalannya tetapi disebabkan ketiga-tiga Naib Presiden yang ada, maka gagallah King Ghaz kerana beliau tidak duduk sebagai Naib Presiden UMNO.

Pilihan kedua Hussein ialah Ghafar tetapi 'Ghafar tidak pandai simpan rahsia' menyebabkan Dr. Mahathir menjadi pilihan Hussein.

Begitulah secara ringkasnya kisah-kisah di sebalik tabir kepimpinan UMNO dan Anwar kali ini benar-benar bergantung nasibnya kepada Dr. Mahathir kerana jika Dr. Mahathir bersara awal dan memberi peluang Ghafar menggantikannya, Anwar bolehlah 'bersara' seperti Ghafar 'bersara' suatu ketika dahulu.

Sebaliknya jika Ghafar bersara awal, Pak Lah dan Sanusi wajarlah 'bersara' bersama-sama Ghafar jika pun bukan untuk selama-lamanya tetapi cukup untuk sementara waktu. Di dalam politik berundur setapak ke belakang tidak bermakna terus undur sebaliknya ia mungkin membolehkan kita melangkah sepuluh tapak ke hadapan.

Pelapis-pelapis waktu itu bukan lagi Pak Lah dan Sanusi sebaliknya mungkin muka-muka baru seperti Tan Sri Rahim Thamby Chik, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, Tan Sri Khalil Yaakob, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Datuk Syed Hamid Albar.

Tidak mungkin Pak Lah mengakhiri karier politiknya sebagai seorang Ketua Menteri di Pulau Pinang walaupun tidak mustahil beliau akan menjadi Yang Di Pertua Negeri kerana Tun Sardon Jubir juga adalah bekas Naib Presiden UMNO yang mengakhiri hayatnya dengan menjawat jawatan Gabenor Pulau Pinang.

Begitu juga dengan Anwar.



3

**POLITIK SABAH:
SIAPA TIPU
SIAPA**





GHAFAR: Saya tak kisah awak nak calon Anwar Mustapha. Itu kerja budak-budak

Ghafar: Kita kena sabam kemahuhan budak-budak Mustapha. Tengoklah dulu

Ghafar: Sebagai Pengurus Perhubungan UMNO Sabah, saya perlu sokongan dari negeri ini

Mustapha: Insya Allah

Begitulah agaknya dialog antara Ghafar dengan Tun Mustapha barangkali di Kota Kinabalu baru-baru ini.

RERKEMBANGAN politik Sabah sebenarnya tidak perlu dihairankan kerana ianya sudah biasa begitu dan ini hanyalah ulangan peristiwa-peristiwa 'berenang dan tenggelam bersama' yang diluahkan oleh Pengerusi BN, Dr. Mahathir Mohamad.

Bukankah Dr. Mahathir pernah berjanji mahu 'berenang dan tenggelam bersama' Berjaya suatu ketika dahulu sebaliknya membiarkan Berjaya lemas sendirian apabila parti itu tewas di tangan PBS di dalam pilihanraya umum negeri itu?

Suatu ketika dahulu Usno pernah menjadi kerabat BN, kemudian tersingkir dan masuk semula. Esok, nasibnya akan ditentukan oleh Dewan Tertinggi BN yang bakal bersidang segera ekoran tindakan Presiden Usno, Datu Amirkahar Tun Datu Mustapha dan beberapa wakil rakyatnya mengabungkan parti mereka dengan PBS.

Media-media utama yang pro kerajaan menyifatkan langkah yang diambil ini sebagai menikam BN dari depan. Mengapa ianya berlaku, tiada siapa yang sanggup mengupasnya secara detail agar ianya diadili oleh rakyat dan pengundi Sabah sebagai 'hakim' yang mutlak menentukan hidup dan matinya tokoh-tokoh ini di dalam politik.

Tidak lama dahulu, Amirkahar mengadakan

pertemuan dengan pemimpin tertinggi Umno malahan menafikan rundingan yang dijalankan. Mengapa hari ini mereka mengambil langkah sebaliknya untuk 'memalukan BN'?

Jawapannya mudah. Jika Tun Datu Mustapha Datu Harun boleh meninggalkan Usno yang diasaskannya kerana dijanjikan dengan jawatan Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Sabah serta 'sedikit kira-kira' dari Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat mengapa tidak Amirkahar? Jika Amirkahar tidak setia dengan Usno, beliau mungkin mengambil tindakan membubarkan parti itu dan ahli-ahlinya diserapkan ke dalam PBS. Inilah langkah mementingkan diri namanya tetapi ternyata beliau tidak sedemikian.

Walaupun apapun alasannya, tuduhan mengatakan Amirkahar dan pengikut-pengikutnya mendapat habuan RM1 juta ada tuduhan yang mengambarkan perkara yang sama terhadap beberapa Adun Usno yang ini menyertai Umno. Bolehkah ini dinafikan dan mengapa langkah Amirkahar dikecam begitu hebat.

Mengenai janji Adun-adun ini (yang sudah menyertai Umno) akan dipilih dan dicalonkan semula, mereka perlu melihat sejarah bagaimana jika Timbalan Perdana Menteri yang juga Setiausaha Agung BN Ghafar Baba berjanji. Mungkin juga

Ghafar sudah menabur janji dengan Ketua-ketua UMNO di 20 bahagian di Sabah sekarang.

Saya ingin merakamkan satu peristiwa di mana saya terlibat sama bersama-sama lapan bekas Adun dari Johor mengadakan pertemuan dengan Ghafar di Pejabat Timbalan Perdana Menteri, sebelum pilihanraya umum 1990.

Kumpulan lapan Adun ini, yang digelar kumpulan orang kalah (kok) diketuai oleh bekas Ahli Majlis Tertinggi Umno, Encik Mohd Nor Mohd Dom (Adun Serom) telah dijanjikan akan dipastikan bertanding di dalam pilihanraya umum jika pun tidak kesemuanya (kelapan-lapan) tetapi separuhnya darinya akan diberikan tempat.

Janji ini dibuat oleh Ghafar di hadapan Haji Hashim Haji Rais (Adun Bukit Naning), Kadri Sabran (Adun Tenggaroh), Abu Bakar Mohd. Dewa (Adun Rengit), Tosrin Jarvanthi (Adun Sedili), Haji Kamisan Asaari (Adun Sri Medan), Datuk Yunos Sulaiman (Adun Tanjung Puteri) dan Zakaria Mahadi (Adun Parit Jawa) dan Mohd Nor sendiri.

Seorang Adun yang termasuk di dalam kumpulan ini tidak hadir iaitu Haji Ahmad Selamat (Adun Benut).

Maka pulanglah ke lapan-lapan Adun ini dengan harapan Ghafar akan memperjuangkan nasib mereka setelah mereka kesemuanya kecuali Zakaria tewas di dalam perebutan jawatan di

dalam Umno bahagian masing-masing,

Malangnya, janji orang politik memang tidak boleh dipercayai. Malahan kesemua mereka kecuali Zakaria digugurkan dan yang lebih malang lagi, Zakaria yang dikekalkan sebagai calon dipindahkan dari Dun Parit Jawa ke Dun Parit Bakar. Beliau akhirnya tewas kepada calon Semangat 46, Haji Kahar Ahmad dengan majoriti 295 undi.

Maka, kesemua bekas Adun-adun ini masih ada kecuali Datuk Yunos yang sudah meninggal dunia boleh mengesahkan peristiwa ini kepada Adun-adun Usno di Sabah yang menyertai Umno mungkin kerana berpegang pada janji dari pucuk pimpinan di Kuala Lumpur.

Sekiranya Tun Datu Mustapha juga boleh 'dijanjikan' dengan jawatan-jawatan penting selain dari 'habuan' kerana sanggup keluar dari Usno bagi menyertai Umno, mengapa tidak Amirkahar yang tidak meninggalkan Usno ataupun menyertai mana-mana parti sebaliknya mengadakan kerjasama dengan sebuah parti yang menjadi pemerintah kepada negeri itu.

Langkah Amirkahar langkah bijak jika dibandingkan dengan langkah-langkah Adun-adun yang menyertai UMNO kerana Amirkahar tidak akan bertanding atas tiket Umno selepas ini jika Dewan Negeri dibubarkan. Dengan cara itu beliau tidak menggugat Umno dan peluang untuk Ketua-

ketua Umno bahagian terpilih menjadi calon lebih cerah dengan tindakan Amirkahar dan rakan-rakannya itu.

Umno di Sabah perlu sedar, tindakan Usno sebenarnya tidak memalukan Umno kerana Usno dan Umno mempunyai pemimpin yang berlainan. Tetapi jika selepas ini kelima-lima (enam jika termasuk Dayang Mahani) yang diterima secara otomatik menjadi ahli UMNO pula mengambil tindakan lebih berani selepas ini mengadakan kerjasama Umno dengan PBS pula.

Jika ini berlaku, sahlah politik Sabah adalah politik yang luar biasa. Malahan, segala-galanya perlu dipelajari dari Sabah untuk menjadikan kita orang politik. Ingatlah, tiada perkara mustahil di dalam politik. Tiada istilah musuh ataupun sahabat yang kekal. Oleh itu, langkah Amirkahar adalah langkah berani yang perlu dihormati.

Kecaman kononnya beliau tidak menghayati semangat BN dan sebagainya tidak sesuai ditujukan kepada pemimpin-pemimpin sepertinya dan rakan-rakannya. Mampukah sesiapa menafikan komitmen Piting Haji Ali (Adun Sekong yang juga bekas Ahli Parlimen Kinabatangan) terhadap Usno. Beliau yang juga Naib Presiden Usno lebih lama bersama kepimpinan Usno jika dibandingkan dengan Tun Datu Mustapha sendiri yang pernah berundur dan digantikan oleh Tun Said Keruak sebelum

diambilnya semula dan kemudiannya ditinggalkan sekali lagi.

Piting yang dilantik menjadi Pembantu Menteri Pertanian dan Perikanan tidak pernah diberi peluang menjawat sebarang jawatan penting sama ada di peringkat negeri maupun peringkat pusat sedangkan sumbangannya yang lama kepada Usno.

Tun Mustapha tidak perlu kesal jika Amirkahar tidak mendengar pujukannya kerana kegagalan Usno menguasai semula Sabah selepas pilihanraya umum 1990 sedikit sebanyak atas kesilapannya. Beliau bukan sahaja mengamalkan 'nepotisme' di dalam politik malahan sering mengambil calon mengikut kehendak sendiri tanpa mengambil kira cadangan dan permintaan kawasan-kawasan.

Itulah sebabnya anak Tun Said Keruak, Datuk Salleh sendiri pernah ditolak namanya dari menjadi calon di dalam pilihanraya menyebabkan beliau bertanding menentang Tun Datu Mustapha.

4

KE MANA TOK
MAT SELEPAS
INI?





ATIEK CB: Tahniyah Tok ...

Tok Mat: Tahniyah apa ...

Atiek CB: Tahniyah sebab Tok Kerja kuat pulihkan UMNO

Tok Mat: Belum boleh tahniyah lagi sebab harta-harta UMNO belum dapat dituntut

Atiek CB: Tahniyah yang lainlab ...

Tok Mat: Terima Kasih ... Terima kasih ...

Mungkin itu kata penyanyi terkenal Indonesia, Atiek CB kepada Tok Mat sambil diperhatikan penyanyi Yusni Hamid.

JAWATAN Setiausaha Agung UMNO adalah jawatan lantikan saja memberi dua 'ganjaran' kepada penjawatnya iaitu disukai ataupun dibenci oleh ketua-ketua UMNO Bahagian-bahagian dan ahli-ahli UMNO di seluruh negara.

Walaupun dari segi sejarahnya nama-nama besar pernah menjawat jawatan ini tetapi kebanyakannya hanyut bersama musim dan hanya menjadi sebutan sekali sekadar melengkapkan fakta sejarah.

Ini termasuklah Tan Sri Senu Abdul Rahman, Tan Sri Mustaffa Jabar, Datuk Panglima Bukit Gantang Abdul Wahab, Datuk Seri Sanusi Junid dan kini Datuk Mohamed Rahmat.

Sanusi mengakhiri kariernya sebagai Setiausaha Agung dengan kekalahannya merebut jawatan Naib Presiden UMNO walaupun mendapat pencalonan yang banyak dan dari segi sejarahnya beliaulah Setiausaha Agung UMNO terakhir sebelum UMNO mati (1988) dan apabila UMNO dipulihkan, Tok Mat mengambil alih jawatan yang bukan kecil bilangan ahli-ahli UMNO kurang yakin dengan kemampuannya.

Namun demikian, dengan kerjasama yang erat antara beliau dengan Setiausaha Kerja merangkap ketua Ibu Pejabat UMNO, Yaakob

KE MANA TOK MAT SELEPAS INI

Haji Mohammad, Tok Mat membuktikan bahawa beliau sebenarnya masih bertenaga untuk bersama-sama Dr. Mahathir 'memulihkan UMNO' semula setelah sebahagian daripada ahli-ahlinya enggan kerana bersama-sama kumpulan serpihan yang diketuai oleh Tengku Razaleigh dan Datuk Rais Yatim.

Disebabkan Tok Mat juga dalam masa yang sama adalah Menteri Penerangan, maka selalulah lagu-lagu yang 'membantu UMNO' dan menanam semangat cintakan pemimpin dan negara berkumandang di TV dan radio sehingga ianya seolah-olah menjadi lagu rasmi negara ini seperti Setia, Benderaku, Alhamdulillah dan Kampungku.

Sehingga kini belum ada sesuatu yang boleh menggugat Tok Mat di Ibu Pejabat UMNO walaupun cakap-cakap tidak puashati mengenainya mula terdengar di merata tempat kerana beliau dikatakan amat mirip kepada satu pihak di dalam UMNO dan kadangkala membantu 'orang-orang tertentu' di dalam pertandingan pucuk pimpinan parti.

Bagaimanapun Tok Mat setakat ini belum membayangkan sama ada beliau akan turut bertanding ataupun tidak sebagai Naib Presiden UMNO kerana jika dikira senioriti, beliau adalah salah seorang yang paling kanan selepas Dr. Mahathir dan Ghafar jika beliau tidak 'bersara'

suatu ketika dahulu.

Dari segi sejarahnya, Dr. Mahathir pernah dipecat dari UMNO dan kemudiannya dibawa kembali dan akhirnya muncul sebagai Presiden parti. Ghafar pula pernah berehat sepuluh tahun dari kedudukan kabinet apabila Tun Hussein Onn 'mencicirkan' namanya dari barisan kabinetnya tetapi kembali sebagai Timbalan Perdana Menteri menggantikan Datuk Musa Hitam dan begitu juga dengan Tok Mat, beliau dilantik sebagai Menteri Penerangan sebaik sahaja Hussein menjadi Perdana Menteri tetapi digugurkan sebaik sahaja Dr. Mahathir mengambil alih jawatan itu.

Encik Khalid Jafri, seorang penerbit akhbar terkemuka pernah memberitahu saya Tok Mat digugurkan adalah kerana rekodnya sendiri tidak elok dan diketahui oleh Dr. Mahathir dan tidak ada kena mengena dengan Musa walaupun semua orang berpendapat Musalah yang tidak menyenangi Tok Mat. Namun demikian, Tok Mat dikatakan sudah bertaubat dan menyesali perbuatannya sehingga tiba-tiba beliau kembali bersama-sama kem Dr. Mahathir (team A) di dalam musim pertandingan 1987 sehingga menyebabkan orang-orang Johor yang ketika itu memang berketuakan Musa dan Datuk Ajib 'menganggap Tok Mat orang Johor murtad' kerana tidak bersama-sama mereka di dalam menghadapi pertandingan

yang hebat itu.

Dari satu cerita lain, saya difahamkan Tok Mat dilantik oleh Hussein sebagai menteri penuh kerana ‘membalas budinya’ kerana membalaududuk di bawah Sardon sebaliknya membayangkan kehendak orang-orang Johor Husseinlah yang paling layak menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Disebabkan Tok Mat adalah bekas Setiausaha Politik Sardon maka Tun (Razak) dikatakan terpengaruh dengan cerita-cerita Tok Mat yang ‘tidak menyokong Sardon’ kerana beliau pernah duduk di bawah Sardon sebaliknya membayangkan kehendak orang-orang Johor Husseinlah yang paling layak menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Waktu itu, Sardon adalah Naib Presiden yang paling kanan manakala Ghafar di tempat kedua manakala Hussein di tempat ketiga. Ditambah pula dengan Hussein yang berbiras dengan Tun, maka lebih mudahlah baginya melantik Hussein dan dengan itu mengenepikan Sardon yang lebih setia bersama UMNO dari Hussein.

Khabarnya Musa mengetahui perbuatan Tok Mat ini dan sebagai bekas Setiausaha Politik Sardon sebelum Tok Mat, Musa memang berdendam dengan Tok Mat dan akan memastikannya

'dihukum' apabila dia berkuasa kelak. Musa yang tidak menyenangi Tan Sri Othman Saat dan ini membolehkan Tok Mat berdampingan dengan Othman sebagai Menteri Besar Johor waktu itu dan 'menjamin survivalnya' di dalam politik.

Begini juga dengan seorang lagi bekas Setiausaha Politik Sardon, Datuk Haji Abdul Jalal Abu Bakarpun megetahui kisah ini tetapi enggan menghebohkan kepada sesiapa kerana ianya menjadi 'sumpahan orang-orang Jawa' supaya tidak membocorkan rahsia keponakan (sanak-saudara) sendiri.

Kisah ini belum pernah sesiapa menulisnya walaupun ada yang mengetahuinya kerana bimbang ada pihak-pihak yang berkecil hati. Namun demikian, bagi membetulkan sejarah sesuatu perlu dilakukan kerana sejarah tidak perlu menjaga hati sesiapa sebab ianya adalah 'khazanah bangsa' yang perlu dirakamkan.

Itulah sebenarnya senario politik UMNO iaitu ia tidak akan terlepas dari kisah membalas budi. Manakala bagi sesetengah pihak pula berkecil hati dan dendam adalah perkara lumrah sebagaimana Ghafar pernah berkecil hati dengan Hussein yang tidak melantiknya menjadi Timbalan Perdana Menteri disebabkan Ghafar dikatakan tidak pandai menyimpan rahsia.

Ini merupakan satu lagi kisah menarik yang

belum ada penulis sanggup merakamkannya untuk pengetahuan rakyat. Ceritanya ialah mengenai Ghafar memang sudah dijanjikan jawatan Timbalan Perdana Menteri oleh Hussein sebaik sahaja beliau (Hussein) menjadi Perdana Menteri menggantikan Tun (Razak) yang meninggal dunia pada 14 Januari 1976. Tetapi sebaik sahaja Hussein memberitahu Ghafar, beliau meminta Ghafar merahsiakan perkara itu sehingga pengumuman dibuat olehnya (Hussein) bagi menjaga hubungan dengan lain-lain Naib Presiden.

Khabarnya Ghafar yang terlalu gembira dengan berita itu telah menghubungi Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) yang ketika itu berada di Pulau Pinang untuk menyampaikan perkhabaran itu dan beliau menerima ucapan tahniah tidak rasminya yang pertama dari Tunku. Tunku yang turut gembira dengan cerita yang didengarnya dari mulut Ghafar itu terus menghubungi Hussein untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepadanya (Hussein) kerana memberi peluang kepada Ghafar.

Kegembiraan Tunku juga ada kena mengena dengan 'hubungan tidak mesranya' dengan Dr. Mahathir yang merupakan Menteri Pelajaran ketika itu yang juga merupakan calon favourite untuk dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Disebabkan Hussein sudah berpesan kepada Ghafar supaya jangan memberitahu sesiapa mengenai

cadangannya untuk melantiknya (Ghafar) sebagai Timbalan Perdana Menteri, maka panggilan dari Tunku yang mengucapkan terima kasih dan tahniah itu amat memeranjatkannya.

Maka beliau terus mengubah pendiriannya dengan mengumumkan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Ghafar dikatakan enggan dinamakan semula sebagai menteri walaupun Hussein bercadang melantiknya (Ghafar) menjadi Menteri Pertanian. Namun demikian Ghafar masih kekal sebagai Naib Presiden UMNO walaupun beliau sudah tidak berjawatan malahan Dr. Mahathir pernah mempelawa Ghafar melalui Tun Daim Zainuddin dan Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya kembali ke dalam kabinet dan jawatan Menteri Pendidikan diserahkan kepadanya. Namun demikian Ghafar tetap tidak berminat kerana beliau lebih seronok duduk sebagai Naib Presiden di samping menjalankan perniagaannya.

Berbeza dengan peristiwa perletakan jawatan Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri menarik minat Ghafar untuk kembali kerana beliau dikatakan 'tertarik dengan tawaran' Dr. Mahathir yang memerlukan tenaga dan idea Ghafar untuk menguatkan semula UMNO yang nyata berpecah kerana Musa adalah Timbalan Presiden UMNO waktu itu yang dua kali berjaya menewaskan saingannya Ku Li dan ternyata mempunyai

'pengikut' setia di dalam UMNO dan kerajaan.

Malahan beberapa Menteri Besar dan ketua Menteri selain dari Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri memang sudah dicap sebagai 'orang Musa' dan ini diketahui secara umum oleh Dr. Mahathir.

Perkiraan Dr. Mahathir nyata tepat kerana adalah sukar untuk menewaskan Musa sebagai Timbalan Presiden UMNO jika yang diketengahkan menentangnya (Musa) bukan Timbalan Perdana Menteri. Itulah sebabnya walaupun sebagai Timbalan Perdana Menteri, Ghafar hanya mampu menang dengan majoriti 40 undi dan dalam masa yang sama terdapat 41 undi rosak yang tidak berpangkah langsung.

Ghafar mendapat 739 undi manakala Musa 669 undi. Jika kesemua undi yang tidak berpangkah berpihak kepada Musa, maka Musa akan menang di dalam usaha mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO dengan majoriti satu undi tetapi jika kesemua 41 undi rosak itu berpihak kepada Ghafar, maka Ghafar akan menambah majoritinya daripada 40 kepada 81.

Di dalam sejarah Musa sebagai seorang ahli politik, 24 April 1987 adalah rekod kekalahan pertamanya di dalam pertandingan. Beliau sudah bersama-sama Majlis Tertinggi sejak 1972 dengan mengutip 447 undi – tempat kelapan dan tahun

1975 berjaya menambah undi dan kedudukannya waktu itu sebagai Menteri Perusahaan Utama dan mempopularkannya.

Tahun 1978 beliau menang kerusi naib Presiden dan jawatannya waktu itu adalah Menteri Pelajaran. Beliau hanya sepenggal sebagai Naib Presiden dan pada 26 Jun 1981 beliau menewaskan Ku Li untuk merebut Jawatan Timbalan Presiden UMNO. Dan pada 25 Mei 1984 beliau sekali lagi mengalahkan Ku Li dan Datuk Harun Idris sebelum beliau dikalahkan oleh Ghafar pada 24 April 1987.

Sejarah Hussein menjadi Timbalan Presiden UMNO setelah dua tahun menjadi Timbalan Perdana Menteri. Begitu juga dengan Dr. Mahathir dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1976 dan memenangi kerusi Timbalan Presiden tahun 1978 berbeza dengan Musa hanya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila beliau memenangi pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO dengan mengalahkan Ku Li.

Oleh itu, jika Ghafar menjadi Perdana Menteri sesiapa sahaja yang dilantik menjadi Timbalannya akan mudah memenangi kerusi Timbalan Presiden UMNO kerana belum pernah berlaku di dalam sejarah UMNO Timbalan Perdana Menteri tewas di dalam usahanya merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO. Cuma, Timbalan Presiden UMNO

yang pernah tewas di tangan naib Presiden UMNO ialah Musa kerana beliau tidak menjadi Timbalan Perdana Menteri manakala Ghafar adalah satu-satunya Naib Presiden yang pernah menewaskan Timbalan Presiden kerana beliau adalah Timbalan Perdana Menteri waktu itu.

Begitulah gambaran UMNO sebenarnya kerana kerusi biasanya menentukan nasib mereka. Jika berpeluang menjadi Menteri Pendidikan, seolah-olah kerusi Naib Presiden sudah menanti mereka. Walaupun Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail pernah memenangi kerusi Naib Presiden ketika menjadi Menteri Luar tetapi tidak dapat dipertahankan. Begitu juga dengan beberapa Naib Presiden UMNO yang terus kekal walaupun tidak berjawatan setakat ini sudah dibuktikan oleh Ghafar, Harun dan Pak Lah sahaja mungkin atas sebab-sebab tertentu yang hanya diketahui oleh perwakilan UMNO.

Bekas Menteri Pertanian, Datuk Manan Osman sewaktu menjadi Menteri tetap gagal untuk memenangi kerusi Ahli Majlis Tertinggi tetapi hari ini Menteri Pertanian, Sanusi membuktikan bahawa beliau mampu menang jawatan Naib Presiden UMNO cuma adakah beliau mampu untuk mempertahankannya di dalam pertandingan akan datang? Jika beliau gagal bermakna sukarlah untuknya kembali semula ke kerusi itu kerana

sejarahnya apabila Ku Din (Ahmad Rithauddeen) Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Harun Idris gugur dari kerusi itu tidak nampak peluang untuk mereka naik semula.

Begitulah juga dengan Tok Mat, jika bossnya (Sardon) pernah menjadi Naib Presiden UMNO, Musa bekas Setiausaha Politik Sardon pernah menjadi Timbalan Presiden dan beliau jika ingin sampai ke kerusi Naib Presiden sebelum berundur memerlukan jawatan yang lebih istimewa dari Menteri Pendidikan ataupun Menteri Kewangan, tidak mustahil baginya untuk memenangi kerusi Naib Presiden UMNO.

Dari segi logiknya, jika beliau terus memegang jawatan sebagai Menteri Penerangan, peluangnya untuk meningkat agak sulit dan beliaupun dikatakan tidak begitu mengharapkan untuk duduk lebih lama di dalam kabinet kerana ingin memberi peluang kepada muka-muka baru dari Johor naik menggantikannya. Cuma, beliau kini lebih banyak membuat kerja-kerja parti dan tanggungjawabnya yang paling besar dan menyebabkan ahli-ahli UMNO tertunggu-tunggu ialah berjayakah beliau menuntut semula harta-harta UMNO lama yang masih berada di tangan pemegang harta.

Jika benar dakwaan beliau kini UMNO sudah mempunyai 1.8 juta ahli dan mempunyai lebih dari 50% keahlian lama, mengapa masih gagal

untuk mengambil balik harta UMNO lama yang besar jumlahnya di seluruh negara.

Satu lagi Tok Mat perlu buat sebelum beliau berundur ialah Muzium UMNO kerana sebenarnya memerlukan sebuah muzium khas yang berfungsi seakan-akan Arkib Negara tetapi muzium ini hanya menyimpan sekod dan sejarah UMNO sejak ditubuhkan pada 11 Mei tahun 1946. Jika boleh, muzium itu biarlah di bangunan UMNO sekarang supaya ahli-ahli UMNO dari seluruh pelusuk tanahair boleh mengunjunginya.

Lebih penting, muzium itu akan berfaedah kepada generasi selepas merdeka yang tidak mengetahuui sejarah perjuangan tokoh-tokoh Melayu hingga negara ini terlepas dari tangan penjajah dan rakyat boleh hidup aman damai sehingga kini.

Mungkin inilah sumbangan paling besar yang mampu mengangkat Tok Mat mengatasi lain-lain Setiausaha Agung UMNO dan tidak keterlaluan jika beliau dikatakan sebagai satu-satunya Setiausaha Agung yang paling berjaya menyemaikan semangat cintakan bangsa dan negara kepada generasi muda yang belum pernah dilakukan oleh sesiapapun sebelum ini.

5

KELAB MB/KM TERPERANGKAP



MB saesai pilih calon

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jun 21 — Menteri Besar dan teri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri hari ini memutuskan secara rasmi-turangnya seorang wakil mewarai dilantik bagi merebut jawatan Nasi Presiden Umno dalam pertemuan apung parti, November lalu.

Jabatan apung, mesyuarat tidak menamakan calon-calon yang akan bertanding walaupun di mesyuarat yang sama sempena Menteri Besar memohon anggaran untuk merebut jawatan berkenaan seperti yang ditayangkan sebelum ini.

Penasaran mesyuarat itu, Tan Sri Wan Mohd Zulkifli Ahmad, berkata kepada sambutan Nasi Presiden.

Bagaimanapun, masih-masing ketua diitipta menggantikan peretuan-jurutera menjadikan calon berkuasa mesyuarat Ketua-Ketua Perhubungan Umno Negri hari ini akan mewarai jawatan hanya seorang calon sejak Jawatan itu. Mesyuarat soalan lain, Wan Mohd Zulkifli mengatakan ia masih memastikan sekutu-rang-kurangan secara ketara perlu basa-basi antara Nasi Presiden dengan para ahli mereka menjawab itu.

"Dulu ketika saya sebagai Nasi Presiden, saya ada di dalam Jawatan itu, maka dia mendekati saya dan mengatakan yang pun Menteri Besar atau Ketua Menteri dalam Jawatan itu, maka banyak perkara besar yang berlaku. Kita tahu

tempoh pemilihan masih jauh.

"Kita tidak membuat sebarang koperituan mengenai calon bertanding Nasi Presiden walaupun tiga atau empat Menteri Besar membentuk kabinet baru mereka dalam masa yang singkat."

"Kita mungkin akan bermyurat semula mengenai Perkara ini pada akhir Ogos atau awal September. Peniluan adalah berdasarkan kriteria dan cara tarikh yang kami perolehi," katanya.

Selain itu, berberapa Menteri Besar masih-masing dari Johor, Selangor, Perak dan Pahang memperlu sokongan daripada Umno Bahagian terdiri tujuh anggota berbanding jawatan Nasi Presiden.

Bagaimanapun, masih-masing ketua diitipta diminta menggantikan peretuan-jurutera menjadikan calon berkuasa mesyuarat Ketua-Ketua Perhubungan Umno Negri hari ini akan mewarai jawatan hanya seorang calon sejak Jawatan itu. Mesyuarat soalan lain,

Wan Mohd Zulkifli mengatakan ia masih memastikan sekutu-rang-kurangan secara ketara perlu basa-basi antara Nasi Presiden dengan para ahli mereka menjawab itu.



2 JULAI MB/KM mengadakan mesyuarat tetapi gagal menamakan calon merwakili MB/KM ke perundingan Naib Presiden.

IKA Naib Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil keputusan untuk bertanding menentang Timbalan Presiden, Encik Abdul Ghafar Baba di dalam pemilihan 4 November depan, siapakah yang bakal diputuskan oleh kumpulan Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk mewakili mereka di dalam persaingan menduduki kerusi Naib Presiden.

Sejarah telah membuktikan bahawa Datuk Harun Idris dan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad adalah dua calon yang pernah memenangi kerusi Naib Presiden atas capacity mereka sebagai Menteri Besar tetapi tidak ke mana-mana di dalam hirerki kepimpinan UMNO apabila mereka bersara ataupun tewas di dalam pemilihan-pemilihan yang berlangsung.

Manakala dua MB dan seorang KM pula tewas di dalam pemilihan lalu (1990) menyebabkan kumpulan MB/KM mestilah lebih berwaspada di dalam menghadapi pemilihan tahun 1993 ini kerana mereka sebenarnya memerlukan sekurang-kurangnya seorang wakil di kerusi Naib Presiden bagi menyampaikan 'suara' secara lebih berkesan.

Malahan, MB/KM perlu 'menyedari' bahawa mereka sebenarnya menduduki kerusi yang 'lebih sedikit tingginya' dari kerusi Ahli MT biasa kerana

kerusi MT itu seolah-olah kerusi otomatik untuk mereka selaku Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri-negeri.

Itulah sebabnya kumpulan MB/KM perlu berfikir secara matang di dalam membuat keputusan untuk bertanding kerusi Naib Presiden, kerana jika mereka bertelagah sesama sendiri, ianya bermakna kesemua mereka akan tewas dan tidak mendapat tempat.

MB Terengganu, Wak Mokhtar sudah pasti tidak akan bertanding lagi setelah tewas di dalam pemilihan tahun 1990 dan kali ini jika ada persefahaman KM Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Datuk Thamby Chik adalah tokoh paling utama yang boleh diketengahkan.

Alasan pertama, jika dibandingkan dengan MB Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin dan MB Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib, ternyata Rahim lebih senior dari kedua-dua MB ini. Beliau akan menyambut ulangtahun ke 11 pemerintahannya pada 26 April ini.

Berbanding dengan Muhyiddin hanya menjadi MB sejak 1986 menggantikan Datuk Abdul Ajib Ahmad manakala Muhammad juga menjadi MB menggantikan Datuk Ahmad Razali Ali dalam tahun yang sama.

Cuma, Rahim ditakdirkan memerintah sebuah negeri yang hanya mempunyai lima bahagian

UMNO manakala Muhyiddin 18 dan Muhammad 13 bahagian. Dari segi kemajuan pembangunan, Melaka tidak boleh diketepikan begitu sahaja walaupun Selangor nampaknya lebih cepat berubah di samping Johor.

Namun demikian, faktor Selangor berhampiran dengan Kuala Lumpur, Ibu Negara Malaysia dan Johor bersebelahan dengan Republik Singapura sedikit sebanyak 'memberi saham dan ilham' kepada pembangunan Selangor dan Johor.

Begitu juga dengan Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib seolah-olah tidak berani ke hadapan lagi setelah beliau turut tewas di dalam percubaan pertamanya enam tahun dahulu. Ramli yang mengetuai 23 UMNO bahagian di Perak seolah-olah senasib dengan lain-lain MB yang terdahulu kerana mengetuai UMNO Bahagian yang banyak tidak memberi advantage kepadanya dan lain-lain tokoh dari negeri itu.

Berbeza dengan Kedah, calon-calon dari Jelapang Padi ini nampaknya diberi perhatian oleh perwakilan apabila calon-calon mereka menang dengan undi menyakinkan termasuk Dr. Mahathir (Presiden), Datuk Seri Sanusi Junid (Naib Presiden), Tan Sri Osman Aroff (MT) dan Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman (MT) manakala Tun Daim Zainuddin (Bendahari-lantik).

Bagaimanapun tidak mustahil kali ini Osman

akan menawarkan diri untuk turut bertanding jawatan Naib Presiden bagaimanapun ianya mungkin terpaksa berhadapan dengan pengaruh Sanusi. Tetapi ini tidak pula bermakna tiada calon senegeri boleh menang serentak seperti yang pernah dibuktikan oleh Allahyarham Tun Hussein Onn dan Tun Sardon Jubir dan sekarang Anwar dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Dari segi persiapan, Tan Sri Khalil Yaakob nampaknya tidak menunjukkan minatnya untuk bertanding jawatan Naib Presiden walaupun beliau adalah antara tokoh yang pernah mengutip undi tertinggi sebagai ahli MT suatu ketika dahulu. Tidak pula diketahui sejauh mana minat Menteri Besar Perlis Dr. Abdul Hamid Pawanteh untuk meningkat lebih tinggi di dalam hirerki kepimpinan UMNO. Bagaimanapun, seperti yang diketahui, Dr. Hamid bukanlah seorang yang terlalu berambisi untuk meningkat.

Tinjauan rambang begini dibuat untuk menarik perhatian semua MB/KM supaya berhati-hati di dalam setiap langkah kerana jikapun mereka sanggup melepaskan Muhammad sebagai calon dari kumpulan MB/KM mampukah calon ini menang?

Jika jawapannya 50-50, adalah lebih baik jangan dicuba kerana dikhuatiri bintang kesemua MB/KM yang sudah pernah bertanding akan

menjadi gelap dan menjadikan calon-calon MB/KM sebagai calon 'tangkap muat' yang langsung tidak memberi cabaran kepada lain-lain calon yang bertanding.

Inilah kelemahan MB/KM sebenarnya di dalam menghadapi isu seumpama ini kerana apabila mereka kuat sebagai Penggerusi Perhubungan UMNO Negeri tetapi tidak menjamin mereka ke hadapan kerana 'kepentingan diri masing-masing' menyebabkan menteri-menteri yang tidak mengetuai Perhubungan UMNO Negeri (kecuali Anwar-Penggerusi Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang) lebih 'kuat' daripada mereka.

Sekurang-kurangnya dua menteri yang disebut-sebut sebagai calon yang layak diketengahkan sebagai orang nombor tiga iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dan Datuk Dr. Yusof Noor, Menteri Perusahaan Awam.

Najib dikatakan layak ke hadapan kerana memandangkan rekod Anwar yang meningkat naik selepas mengetuai Pemuda manakala Yusof pula disebabkan beliau adalah calon Pantai Timur yang 'patut' menggantikan Wan Mokhtar dan satu-satunya calon MT yang mendapat undi tertinggi di dalam dua kali pertandingan.

Setakat ini tidak kedengaran lain-lain menteri berminat menawarkan diri tetapi jika diukur dari

senioriti Datuk Abu Hassan Omar adalah menteri yang sepatutnya sudah ke hadapan daripada nama-nama lain.

Pemilihan 1990 lalu, Abu Hassan yang ketika itu adalah Menteri Luar bercadang untuk bertanding tetapi menarik diri di peringkat akhir bagi memberi peluang kepada Sanusi, Muhyiddin dan Rahim. Walaupun jangkaan awal menolak Pak Lah keluar dari kedudukan Naib Presiden tetapi ternyata Wan Mokhtar yang gugur dan Muhyiddin yang disebut-sebut bakal mendapat undi kedua terbanyak selepas Anwar rupa-rupanya gagal sebaliknya meletakkan Pak Lah di tempat itu.

Kehendak perwakilan sebenarnya tidak dapat dibaca dari peringkat awal. Jika usaha mengenepikan Pak Lah menemui jalan buntu dan menyebabkan Dr. Mahathir terpaksa membawa balik beliau di dalam kabinet kini seperti ada usaha untuk mengeluarkan salah seorang dari Naib Presiden yang sedia ada.

Pertandingan kali ini mungkin akan menyebabkan Sanusi kecundang ataupun Pak Lah tetapi tidak mustahil juga Anwar akan mengalami nasib yang menimpa Wan Mokhtar yang pernah mendapat undi tertinggi di kerusi Naib Presiden.

Walaupun ada usaha hendak dibuat dengan 'memastikan Anwar mestilah mendapat undi terbesar' sebagai isyarat kepada Dr. Mahathir supaya

memberi laluan kepada Anwar tetapi tidak mungkin segala-galanya tidak menepati ramalan dan kehendak seorang dua.

Segala-galanya terpulang kepada kehendak Allah jua. Tun Sardon pernah menjadi senior vice president tetapi beliau akhirnya hanya diletakkan sebagai yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang. Begitu juga dengan Tengku Razaleigh Hamzah, dari seorang Naib Presiden dan bendahari UMNO yang berpengaruh, kini berada di luar UMNO dan memimpin sebuah parti pembangkang.

Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail adalah salah seorang Naib Presiden UMNO akhirnya tewas di dalam pilihanraya manakala Datuk Harun Idris juga salah seorang Naib Presiden UMNO tetapi berada di luar UMNO sekarang dan dengar-dengar khabar permohonannya untuk menjadi ahli masih tergantung.

Begitulah sekali imbas pusingan nasib Naib-naib Presiden UMNO tetapi kesemua Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri terpaksa melalui kerusi Naib Presiden kerana tiket sebagai Naib Presiden ini dikehendaki oleh mana-mana Perdana Menteri dan Presiden UMNO sebelum mereka melantik pembantunya (Timbalan Perdana Menteri).

Oleh itu, peluang paling cerah sekarang ini jika dikutip dari butir-butir perbualan orangramai,

kebanyakannya meramalkan Anwar sudah hampir pasti naik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Perdana Menteri. Jika suatu ketika dahulu Datuk Musa menguasai media massa (atas jawatannya sebagai Menteri Dalam Negeri) manakala saingannya Tengku Razaleigh menguasai korporat (atas kedudukannya sebagai Menteri Kewangan) tetapi hari ini Anwar mempunyai kedua-dua itu, media massa dan korporat yang meletakkannya lebih selamat dari lain-lain saingannya.

Namun demikian, ianya tidak menolak kemungkinan Pak Lah dan Sanusi juga dikatakan berpeluang ke atas tetapi dengan syarat Ghafar mestilah sempat menjadi Perdana Menteri. Hujah mereka, jika Ghafar hanya bertahan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan bersara, penggantinya akan dipilih oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir.

Jika suatu ketika dahulu, faktor utara, timur atau selatan diambil kira seperti Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra (utara) mengambil Tun Abdul Razak (timur) manakala Razak pula memilih Tun Dr. Ismail Abdul Rahman (Allahyarham) dari selatan. Seterusnya apabila Dr. Ismail meninggal, tempatnya diambil oleh Allahyarham Tun Hussein Onn (selatan) dan apabila sampai giliran Hussein, beliau memilih Dr. Mahathir (utara) dan

sebaik sahaja sampai giliran Dr. Mahathir beliau memilih Datuk Musa Hitam (selatan) dan apabila Musa bersara, sekali lagi Dr. Mahathir mengekalkan tradisi Tun Razak dengan mengambil orang selatan juga menggantikan orang selatan (Dr. Ismail diganti Hussein), maka Ghafar walaupun bukan dari Johor tetapi dari Melaka kerana ianya juga dianggap dari selatan.

Berbeza dengan apa yang berlaku hari ini ialah apabila Ghafar bersara, tiada seorangpun tokoh dari selatan di kerusi Naib Presiden termasuk ketua-ketua Wanita dan Pemuda. Oleh itu, suka ataupun tidak suka Dr. Mahathir tidak mungkin memilih 'orang Kedah' sebab dari satu negeri tetapi sudah hampir pasti beliau mengambil Anwar walaupun sama-sama dari utara tetapi bukan dari satu negeri.

Oleh itu pilihan Dr. Mahathir samada Anwar ataupun Pak Lah, kedua-duanya dari Pulau Pinang dan bukan dari Kedah kerana 'mustahil' orang Kedah menjadi Perdana Menteri akan mengambil orang Kedah menjadi Timbalannya.

Berbeza dengan Ghafar, jika beliau menggantikan Dr. Mahathir tugasnya memilih Timbalan tidaklah sesukar mana kerana beliau dari selatan akan memilih orang utara yang duduk di dalam barisan Naib Presiden. Secara kebetulan ketiga-tiga Naib Presiden datangnya dari utara,

dan beliau mempunyai pilihan untuk melantik mana-mana yang difikirkan dapat membantunya.

Walaupun mungkin Ghafar akan memilih Sanusi tetapi tidak mustahil baginya memilih Pak Lah ataupun Anwar kerana mereka semua layak dan mendapat sokongan perwakilan (yang meletakkan mereka di kerusi Naib-naib Presiden).

Kali ini, jika dari selatan ada dua calon Naib Presiden, iaitu antara Muhyiddin dengan Rahim, salah seorang dari mereka perlulah 'beralah'. Cuma, di dalam politik mungkin teori beralah itu tiada tetapi jika salah seorang tidak sanggup beralah, dipercayai kedua-duanya akan menempuh zaman yang gelap.

Begitu juga dengan Muhammad, mungkin beliau bertanding kerana mahu menyelamatkan Anwar yang 'terpaksa' bersaing dengan Pak Lah dan Sanusi tetapi jika beliau tewas, bukan sahaja Anwar akan lebih bahaya malahan beliau juga akan mencipta rekod sebagai salah seorang MB yang tidak cukup umphh untuk bertanding.

Oleh sebab itu, kumpulan MB/KM hendaklah membuat satu keputusan yang boleh menyelamatkan nama dan prestij mereka agar mereka bukan sahaja dilihat sebagai seorang Pengurus Perhubungan UMNO Negeri yang 'berkuasa kepada perwakilan-perwakilan bahagian' sebaliknya mempunyai pengaruh di dalam

menentukan corak kepimpinan UMNO.

Setakat ini hanya seorang sahaja bekas Ketua Menteri yang terlepas menjadi Timbalan Perdana Menteri iaitu Ghafar, bekas Ketua Menteri Melaka manakala lain-lain Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri adalah bekas-bekas Menteri Kabinet yang tidak pernah duduk sebagai Ketua Menteri ataupun Menteri Besar.

Tidak mustahil, di akhir abad ke 20 ini, Rahim adalah Ketua Menteri Melaka yang bakal mengulangi sejarah ciptaan Ghafar kerana dari segi usia, Rahim masih mempunyai jangka masa yang agak panjang untuk bertapak di dalam UMNO.

Cuma Rahim perlu memperlihatkan komitmennya secara menyeluruh sebagaimana komitmen menteri-menteri kabinet. Mungkin ianya sukar tetapi tidak mustahil untuk beliau memulakan sesuatu untuk menjadi namanya kembali 'bergetar dan hidup' sebagaimana suatu ketika dahulu beliau menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri sebelum dibawa balik bertanding di peringkat negeri dan menjadi Ketua Menteri.

4 November ini menjanjikan pertarungan yang hebat dan sesiapa yang terpilih sebagai Naib Presiden seolah-olah telah menentukan masa depan mereka di arena politik tanahair. Begitu juga sesiapa yang tewas, menggambarkan persaingan untuk melangkah semula ke tempat itu amat sukar

kerana musim 1996 mungkin masa untuk Datuk Syed Hamid Albar, Najib, Datuk Annuar Musa, Khalil dan seorang dua lagi termasuk Datin Paduka Rafidah Aziz menjadi calon-calon yang berpotensi untuk bertanding sama.

6

SANUSI ORANG GHAFAR





SANUSI disambut dengan riang peserta Persidangan Perniagaan ke 5 Persekutuan Peikanan Asean. Mereka mungkin terkejut Malaysia mempunyai seorang menteri yang kreatif, bijak dan bebat macam Samusi. Cuma orang-orang di Malaysia yang tak tahu mereka mempunyai tokoh terkemuka ini. Idea dan wawasannya amat berfaedah kepada kaum buruh kita.

TIADA siapa yang mahu percaya jika ada orang yang mengatakan bahawa Anwar Ibrahim adalah orang Ghafar Baba atau Ghafar Baba lebih seronok dengan Anwar daripada Sanusi Junid. Inilah hakikat sebenar politik Malaysia hari ini, rata-rata sudah menyebut bahawa Ghafar beregu dengan Sanusi dan Dr. Mahathir dengan Anwar.

Bagaimana dengan Pak Lah Badawi? Terdapat orang yang percaya Pak Lah adalah orang Musa Hitam walaupun Dr. Mahathir yang membawanya ke arena politik.

Oleh itu, tiada siapa yang menduga Tun Razak akan melantik Tun Hussein apabila Tun Dr. Ismail meninggal dunia. Begitu juga dengan ramalan mengatakan Ghafar adalah Timbalan Perdana Menteri selepas Tun Hussein ternyata tidak tepat apabila Dr. Mahathir dilantik.

Apa hujah dan alasannya, tiada siapa yang tahu tetapi sepatah kata Sanusi, **sudah rezeki mereka**. Sewaktu kematian Tun Dr. Ismail, ramai yang menjangka Tun Razak akan melantik Tun Sardon Jubir kerana dia orang Johor seperti Tun Dr. Ismail. Namun demikian, Tun Hussein yang baru datang ke kabinet dan biras kepada Tun Razak diketengahkan.

Begitu juga apabila Tun Hussein jadi Perdana Menteri, Utusan Melayu dan Utusan Malaysia secara terang-terang sudah meramalkan Ghafar adalah timbalan Perdana Menteri kerana senioritinya jika dibandingkan dengan Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr. Mahathir. Malangnya, bukan rezeki Ghafar waktu itu dan menyebabkan beliau tidak langsung mahu kekal di dalam kabinet sehinggalah dilantik menjadi TPM selepas Musa meletakkan jawatannya dalam tahun 1986.

Begitulah sejarahnya dan tidak mustahil kali ini, selepas Ghafar walaupun ramai yang menjangkakan Sanusi akan dilantik tetapi tiada siapa yang sanggup menolak kemungkinan Ghafar mengambil Pak Lah sebagai pembantunya jika beliau berpeluang ke kerusi PM suatu hari nanti.

Begitu juga dengan PM, Dr. Mahathir tidak mustahil melantik Sanusi sebagai TPM jika Ghafar meninggalkan kerusi itu atas sebarang sebab walaupun ramai yang menjangkakan pilihan Dr. Mahathir adalah Anwar kerana mereka dikatakan secucuk dan sehaluan.

Maka itu, ramalan-ramalan yang berlegar sekarang hanya akan terjawab apabila sampai waktunya kerana tiada yang mahu percaya bahawa Dr. Mahathir lebih menyenangi Sanusi daripada Anwar dan Ghafar lebih seronok dengan Pak Lah daripada Sanusi. Dr. Mahathir tidak mungkin

lupa dengan peristiwa 1987, di mana Sanusilah orangnya yang bermati-matian mempertahankan beliau daripada serangan Musa dan Ku Li yang hampir-hampir berjaya menumpaskan team A di dalam pertandingan 1987.

Walaupun sumbangan Anwar bukan kecil tetapi dari segi senioriti, mustahil beliau boleh mengenepekan Sanusi dan Pak Lah. Masalah yang timbul sekarang ialah Sanusi, Anwar dan Pak Lah tidak sehaluan dan mereka mempunyai jalan masing-masing.

Berbeza dengan Sardon, Hussein Onn, Ku Li, Dr. Mahathir dan Ghafar dahulu datangnya dari satu kem hingga Hussein boleh digertak supaya jangan melantik Ghazali Shafie untuk duduk sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana beliau bukanlah Naib Presiden UMNO walaupun tiada perlembagaan yang mensyaratkan TPM itu mestilah dari calon-calon yang duduk di kerusi Naib-naib Presiden UMNO.

UMNO ternyata berpecah di zaman Dr. Mahathir apabila Ku Li secara serius mengotakan kata-katanya mahu menentang Dr. Mahathir di dalam pertandingan tahun 1987. Gandingan Ku Li-Musa benar-benar menjadikan UMNO berpuak dan akhirnya hampir 50% daripada ahli-ahli UMNO bertindak meninggalkan UMNO dan menyertai Semangat 46.

Sayuti Omar dalam bukunya, **Tuhan Pilih Siapa** turut meramalkan masa depan Sanusi akan gelap jika Ghafar pergi dahulu manakala bintang Anwar juga akan turut pudar jika Mahathir yang pergi dulu. Cakap-cakap dan ramalan begini terus menerus berlegar, tanpa ada mana-mana pihak yang sanggup merubahnya kerana tiada siapa yang mahu percaya Dr. Mahathir tidak mustahil mengambil Sanusi jika Ghafar berundur dan Ghafar akan mengambil Anwar jika Dr. Mahathir berhenti.

Oleh itu, politik Malaysia menjadi semakin menarik menjelang fajar 1993 ini kerana tidak mustahil salah seorang dari tiga Naib Presiden yang ada mungkin tersingkir dari kerusinya dan seorang muka baru akan muncul.

Keghairahan Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Menteri Besar Selangor untuk cuba nasib bertanding jawatan Naib Presiden sudah tidak dibendung lagi. Walaupun beliau tidak mengesahkan tetapi tidak pernah pula beliau menafikannya.

Ada usaha dibuat oleh orang-orang Anwar kalau boleh dua Menteri Besar mestilah duduk di kerusi Naib Presiden bersama-samanya supaya memudahkannya untuk melangkah ke kerusi timbalan Perdana Menteri apabila berlaku kekosongan. Tidak pula diketahui sejauh mana kebenaran ini tetapi banyak pihak yang mengetahui mengenainya.

Itulah sebabnya, di dalam pemilihan tahun 1990, Anwar dikatakan bermati-matian mahu memenangkan Muhyiddin bersama-sama Wan Mokhtar tetapi malangnya, bukan sahaja percubaan itu gagal malahan Wan Mokhtar yang menjadi juara menunggu juga kecundang. Maka tipislah harapan Anwar di dalam mengukuhkan kedudukannya sebagai satu-satunya Naib Presiden yang paling cerah harapan dan bintangnya untuk ke kerusi Timbalan Perdana Menteri.

Tidak hairanlah kalau Sanusi pernah mengingatkan para perwakilan bahawa perancangan manusia tidak akan mengatasi perancangan dan ketentuan Allah S.W.T di dalam menentukan barisan kepimpinan UMNO dan negara ini. Tiada siapa menyangka Ghafar akan kembali ke dalam kerajaan apabila beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan kabinet dalam tahun 1976 sebaik sahaja Tun Hussein Onn mengambil alih tugas dari Allahyarham Tun Razak. Tetapi dengan tidak semena-mena, Datuk Musa Hitam berhenti dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Apabila Musa berhenti, ada ramalan yang mengatakan Tengku Razaleigh Hamzah adalah pilihan Dr. Mahathir jika tidak Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang menjadi Naib Presiden UMNO ketika itu. Ini kerana Tengku Razaleigh adalah

rakan Dr. Mahathir yang sama-sama pernah duduk sebagai Naib Presiden UMNO dan terlibat sama di dalam usaha menggertak Tun Hussein supaya menerima salah seorang dari tiga Naib Presiden yang ada sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Walaupun Ku Li bukan Naib Presiden UMNO tetapi persaingan Musa di dalam perjuangan mengekalkan kerusi Timbalan Presiden UMNO ialah Ku Li.

Entah dari mana alamat ataupun desakan yang Dr. Mahathir dapat, beliau menarik balik Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan menjawat jawatan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tugas lamanya sebelum mengundurkan diri.

Musa dan Ku Li yang berhempas pulas bertanding jawatan Timbalan Presiden, Ghafar yang dapat akhirnya kerusi Timbalan Perdana Menteri dan akhirnya menewaskan Musa dengan kelebihan 41 undi di dalam pemilihan tahun 1987.

Begitu juga dengan Anwar, walaupun beliau memperolehi undi terbanyak sebagai Naib Presiden UMNO (1,067 undi) tidak mustahil beliau akan mengalami kemerosotan di dalam pemilihan akan datang. Tetapi tidak mustahil juga beliau akan mengaut lebih banyak undi dan terus kekal sebagai Naib Presiden yang paling besar jumlah undinya

berdasarkan prestasi yang ditunjukkan sepanjang perkhidmatannya di Kementerian Kewangan.

Pengalamannya sewaktu memimpin ABIM dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO banyak membantu Anwar melonjak ke kedudukannya sekarang. Cuma satu, Anwar jangan bimbang dengan kritikan, teguran ataupun kecaman dari mana-mana pihak jika mahu terus mengekalkan nama baiknya. Jika beliau hilang rasionalnya, nescaya musuh-musuhnya akan mengambil kesempatan dan ini mungkin menjadi titik tolak kejatuhaninya.

Cuma, jika Ghafar berjaya menjadi Perdana Menteri suatu hari nanti, beliau diramalkan akan mengambil Sanusi sebagai Timbalannya dan dengan itu sekaligus mengesahkan cakap-cakap orang yang mengatakan **Sanusi Orang Ghafar** dan **Anwar Orang Dr. Mahathir** manakala **Pak Lah Orang Musa**.



Z

PERGORBANAN MUSA HITAM





MAHASISWA: Tok masuklah bertanding

Musa: Tak mahu. Saya dah tengok keadaan tidak mengizinkan.

Mahasiswa: Yang ada sekarang ni asyik berperang sama sendiri aje

Musa: Nak buat macamana

Mahasiswa: Kami nanti masuk Paslab, senang sikit

Musa: Itu saya tak campur

Musa dikelilingi mahasiswa dan mahasiswi UKM ketika merasmikan projek SENERGI. Mereka amat seronok mempunyai tokoh seperti Musa. Cuma pergorbanan Musa masih belum dihayati sepenuhnya oleh rakyat.

PENGBORBANAN bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dalam tahun 1986 seharusnya dilihat dari sudut menegur kepimpinan UMNO yang mewajarkan beliau kembali semula bersama-sama UMNO sekarang dengan kesediaannya menawarkan diri bertanding jawatan Naib Presiden UMNO.

Walaupun belum pasti beliau kembali, tetapi Musa adalah seorang pemimpin besar negara ini yang mempunyai prinsip tersendiri di dalam melayari bahtera politiknya dengan hanya bertanding jika berlaku kekosongan dan mendapat percalonan.

Mustahil beliau akan bertanding tanpa sebarang percalonan dan tidak bijaklah beliau jika menyertai pertandingan jika tidak berlaku kekosongan, misalannya ada yang berundur diri kerusi itu.

Lihat sejarah kemunculan Musa di dalam politik dengan mengambil kira kehebatannya sendiri tanpa perlu meminta bantuan sesiapa, termasuklah pucuk pimpinan walaupun ada yang mengatakan sebaliknya.

Musa tidak pernah kalah di dalam karier politiknya kecuali 24 April 1987 apabila beliau tidak berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai

Timbalan Presiden UMNO setelah kalah di tangan Timbalan Perdana Menteri, Abdul Ghafar Baba dengan majoriti 40 undi.

Itupun terdapat 41 rosak yang tidak diketahui secara sah kepunyaan siapa jika ianya tidak berlaku demikian memungkinkan dia memenangi pertandingan itu dengan majoriti 1 undi di tangan Ghafar tetapi akan menewaskannya dengan lebih teruk jika undi rosak itu menyebelahi Ghafar.

Musa memulakan karier politik kebangsaannya dalam tahun 1972 dengan mengutip 447 undi dan menduduki kerusi kelapan dari senarai Ahli Majlis Tertinggi. Tiga tahun kemudiannya beliau berjaya meningkatkan undinya ketika menjadi Menteri Perusahaan Utama sebelum menjadi Naib Presiden UMNO dalam tahun 1978 ketika menjadi Menteri Pelajaran.

Beliau hanya sepenggal di kerusi naib presiden apabila beliau berjaya menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah untuk merebut kerusi timbalan presiden pada 26 Jun 1981 yang dikoosongkan Dr. Mahathir kerana menjawat jawatan presiden.

25 Mei 1984, Musa sekali lagi memenangi pertandingan di dalam usahanya mengekalkan kedudukan nombor dua parti walaupun mendapat tentangan dari Razaleigh sekali lagi sebelum tewas di tangan Ghafar setelah kehilangan jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Terdapat beberapa tulisan yang meminta Musa bersara terus dari politik kerana menurut mereka zamannya sudah berlalu tanpa memikirkan secara rasionalnya siapakah yang benar-benar menghayati perjuangan UMNO tanpa menggunakan wang, ugutan, janji dan sebagainya selain dari Dr. Mahathir Mohamed, Ghafar dan Musa?

Dengan alasan Musa tidak akan menawarkan diri jika tiada kekosongan, perwakilan UMNO tidak perlu bimbang dengan kehadiran Musa jika ketiga-tiga naib presiden yang ada mengekalkan kedudukannya dan timbalan presiden tidak ditentang.

Kelantangan beberapa tokoh UMNO seperti Dr. Abdullah Fadzil Che Wan, Rafidah Aziz, Dr. Abdul Hamid Pawan teh, Tan Sri Khalil Yaakob dan beberapa nama lagi mengenai Musa tidak menunjukkan pandangan dan teguran yang positif jika sudut-sudut kepentingan UMNO diletakkan di tempat yang paling utama.

Musa adalah ahli UMNO dan Ketua UMNO Bahagian Segamat adalah orang yang diterima kepimpinan parti menjadi ketua penaja bahagian ketika UMNO dipulihkan dalam tahun 1988. Beliau berhak menawarkan diri dan tiada sebab mengapa ada usaha-usaha menghalangnya kerana UMNO adalah milik 1.9 juta ahli dan bukan milik seorang dua yang sedang menerajui parti.

Mengapa harus ada halangan-halangan begitu sedangkan perlembagaan parti menghalalkan sesiapa juga menawarkan diri jika cukup pencalonan, cukup syarat dan tidak terkena sebarang tindakan undang-undang yang boleh menyebabkan mereka dilarang daripada menyertai pertandingan itu.

Politik wang sebenarnya memerlukan Musa kembali semula menguatkan parti dan membersihkan keadaan yang mungkin dilakukan kalangan pemimpin yang tidak mampu menghayati perjuangan sebenar UMNO. Dan mengikut sejarahnya. Musalah satu-satunya pemimpin yang pernah secara terang-terang memberi amaran kepada ahli-ahli parti bahawa bahaya politik wang akan menyebabkan UMNO musnah dan hilang semangat.

Tidak keterlaluan jika dikatakan beliau bukannya pemimpin yang berkepentingan peribadi dan dengan alasan itu beliau sanggup mengundurkan diri walaupun sudah duduk di kerusi nombor dua. Dari segi perniagaan, Musa juga tidak pernah muncul sebagai seorang **businessman** yang membolehkan beliau menumpukan perhatian kepada perjuangan dan perjalanan parti.

Syaidina Omar Alkhattab pernah berpesan, untuk menguji seseorang yang mengaku dirinya

alim dengan meletakkan dua perkara di depannya. Pertama perempuan dan kedua, wang. Jika mereka bertukar coraknya, pemimpin itu tidak boleh dipercayai dan harus jangan dipilih.

Dengan isteri baru, Musa mungkin lebih segar sekarang untuk sama-sama bersaing di dalam pemilihan kali ini kerana perwakilan UMNO juga harus memikirkan penghayatan Musa di dalam semangat perjuangan parti yang semakin menipis di dalam jiwa kepimpinan yang melonjak-lonjak sekarang.

Jurang pemisah usia antara Dr. Mahathir – Ghafar dengan Sanusi Junid, Abdullah Ahmad Badawi dan Anwar Ibrahim terlalu jauh. Perlu ada seseorang yang menjadi pengantaraan antara mereka sebelum dilepaskan kerana mengikut sejarahnya, Tun Abdul Razak hanya menjadi Perdana Menteri selepas lebih 20 tahun menjadi timbalan.

Orang-orang muda seharusnya diajar dengan ilmu sabar setelah mereka dibekalkan dengan pelbagai ilmu dunia. Perlu diingat, untuk menjadi Perdana Menteri, bukan kepentingan UMNO sahaja yang harus diambil kira sebaliknya kepentingan seluruh rakyat negara ini kerana selama-lamanya soal perkauman menjadi penentu ke arah Malaysia menjadi negara popular di dunia.

Ghafar sendiri pernah dua kali diketepikan

sewaktu Perdana Menteri memilih timbalannya. Pertama apabila Tun Dr. Ismail meninggal dunia, Ghafar yang lebih senior sebagai naib presiden negara tetapi Tun Hussein Onn yang dipilih

Kemudiannya, Hussein menarik Dr. Mahathir walaupun Ghafar ada ketika itu di kerusi naib presiden manakala di pusingan ketiga. Ghafar tidak turut menawarkan diri walaupun dua rakannya, Musa dan Razaleigh bertarung merebut kerusi timbalan presiden.


Di kalangan beberapa pihak yang lama dengan UMNO ketika ditinjau pendapatnya memberitahu, hari ini UMNO dipenuhi dengan jurucakap-jurucakap yang tidak komited dengan perjuangan parti sebaliknya sibuk bercerita mengenai rezeki, peluang perniagaan, persaingan tender dan lobimelobi jawatan-jawatan di dalam sektor korporat dengan meletakkan perjuangan asas UMNO di sudut yang amat jauh.

Jurutulis-jurutulis juga sekarang ini tidak komited dengan naib bangsa mereka sebaliknya menceritakan soal-soal **memfaraidkan harta-harta samunan di dalam gua**.

Terpulanglah kepada perwakilan UMNO yang bakal dipilih di peringkat bahagian untuk memutuskan sama ada perlu ataupun tidak seseorang seperti Musa yang jelas penglibatannya di dalam perjuangan asal UMNO kembali setelah

PENGORBANAN MUSA HITAM

Razaleigh enggan berbuat demikian kerana yakin dengan Semangat 46 mampu menjadi alternatif kepada perjuangan asal orang-orang Melayu.



8

MUHYIDDIN SELEPAS MUSA





MUHYIDDIN: Terima kasih Lil

Khalil: Sama-sama

Muhyiddin: 100% ke?

Khalil: Insha Allah

Muhyiddin: You bila lagi;

*Khalil: You pergi dulu, I tengoklah kalau
ada rezeki mustahid depan putak*

*Se*nter Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin masih membisu seribu bahasa di dalam soal pertandingan merebut jawatan Naib Presiden UMNO 4 November depan.

Bagaimanapun, dalam apa perkiraan sekalipun, beliau seharusnya diberi peluang sekali lagi untuk menawarkan khidmatnya untuk menduduki ketiga di dalam hirarki UMNO ini kerana kewibawaan, kekuatan dan wawasannya yang terbukti.

Jika setiap pemerhati politik melihat dengan rasional kebolehan Muhyiddin, tidak siapa boleh menafikan ketegasannya menangani isu krisis antara kerajaan dengan istana berjaya diselesaikan dengan begitu menarik.

Tiada siapa percaya Muhyiddin akan berjaya. Apatah lagi apabila Semangat 46 telah berjaya 'menasihatkan' pihak istana supaya mengadakan Majlis Mengadap yang tidak dipersetujui kerajaan. Namun, akhirnya di satu majlis khatam Quran, Sultan Johor mengumumkan pembatalan majlis itu yang disambut dengan gembira oleh seluruh rakyat.

Jika sekali pandang, tiada siapa yang percaya seorang yang lembut dan sukar tersenyum seperti Muhyiddin ini mampu untuk berhadapan dengan

Sultan Johor yang banyak karenah. Namun, sebelum inipun Muhyiddin memang mampu berbuat sesuatu. Cuma beliau belum cukup teruji.

Kejayaan-kejayaannya tidak disertakan dengan publisiti yang berlebih-lebihan. Malahan beliau lebih seronok dengan 'low profile' asalkan wawasannya berjaya. Itulah sebabnya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) begitu cemerlang di bawahnya walaupun ada yang cuba memperkecilkkan sumbangannya.

Hari ini, apabila Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib dan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik mengumumkan mahu bertanding jawatan Naib Presiden, masih ramai yang tertanya-tanya adakah Muhyiddin tidak berminat? Jika beliau berminat, mengapa masih enggan mengeluarkan sebarang kenyataan mengenainya?

Jawapannya mudah. Beliau tidak terlalu ghairah sebenarnya mengejar jawatan itu. Dengan alasan itu, perwakilan UMNO seharusnya menilai kemampuan Muhyiddin di dalam 'layar perak' politik Malaysia.

Itulah sebabnya, jika pencalonan menyakinkan, Muhyiddin seharusnya tampil untuk bersaing merebut jawatan itu kerana beliau layak dan berkemampuan. Cuma, strategi tidak perlu diatur

sebagaimana yang pernah dibuat sebelum ini disebabkan penilaian seharusnya dilihat secara rasional dan bukan faktor-faktor lain yang tidak menguntungkan parti.

UMNO tidak mampu menonjolkan pemimpin yang hanya tahu melobi dengan menggunakan pelbagai kelebihan yang mereka ada. Jika UMNO hanya dihayati oleh mereka yang gilakan jawatan nescaya parti akan menghadapi masalah berat suatu ketika nanti.

Itulah sebabnya, tindakan tidak popular seperti yang dianjurkan Muhyiddin dengan tidak mengajar menggunakan wang sebagai 'syarat untuk mendapat sokongan' dan sanjungan.

Walaupun ianya mungkin tidak menguntungkan 'pekerja-pekerja politik' tetapi ianya berguna untuk parti bagi jangka masa panjang. Ahli-ahli parti harus sedar bahawa perjuangan UMNO sudah lari jauh dari matlamat sebenar dengan perubahan sikap segelintir pemimpin yang hanya menggunakan kesempatan dan kelebihan yang mereka ada demi mendapat tempat yang mereka kejar.

Jikalah Muhyiddin diberikan peranan di pusat, tidak mustahil beliau adalah 'PM material' suatu waktu nanti. Ini bukanlah bermakna apabila seseorang itu dilabelkan sebagai 'PM material,' dia seharusnya menjadi Perdana Menteri tetapi

dia tidak jauh ketinggalan jika ditariskan dengan lain-lain tokoh yang ada.

Siapa sanggup mengenepikan nama Muhyiddin sebagai salah seorang tokoh berwibawa masa depan? Apa kesilapan besar yang pernah beliau lakukan semenjak menjadi Menteri Besar? Jika adapun kesilapan-kesilapan kecil, tidak bolehkah ianya diperbaiki?

Muhyiddin ternyata satu-satunya Menteri Besar Johor yang terbaik pernah dilahirkan. Tanpa mengambil kira siapa yang mendidiknya, beliau berjaya membawa nama Johor setanding dengan Singapura walaupun dari satu segi, Johor perlu diletakkan sebahagian dari Malaysia.

Disebabkan pintu masuk Malaysia dari selatan ialah Johor, di bawah kepimpinan Muhyiddin, tiada siapa harus malu kepada mana-mana pelancong yang ke sini jika melalui tambak Johor. Johor bukan sahaja pesat membangun malahan menjadi tumpuan rakyat Singapura sekarang untuk mengambil angin, membeli belah dan berniaga.

Projek Nusa Tiga (Johor, Batam dan Singapura) membuktikan bahawa Johor menjadi pusat mencari sesuatu yang tiada di Batam dan Singapura. Jika di Singapura mempunyai teknologi manakala di Batam murah dengan tenaga buruh dan tanah, Johor pula boleh menyumbang hasil mentah yang berguna kepada keperluan Singapura dan Batam.

Idea Muhyiddin ini seolah-olah tidak mendapat restu dari kepimpinan pusat tetapi akhirnya Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Rafidah Aziz telahpun mengeluarkan kenyataan mewakili kabinet mengarahkan projek itu diteruskan demi kepentingan bersama.

Jikalau Muhyiddin mendapat sokongan jitu dari seluruh 18 bahagian UMNO di Johor, peluang ini mungkin akan menguatkan lagi beliau di mata orang-orang luar yang selama ini juga sudah memerhatikan prestasinya.

Johor, sebuah negeri termaju di selatan patut berbangga dengan kepimpinan dinamik Muhyiddin yang tidak henti-henti menghadapi tentangan dari musuh-musuh dalaman dan luaran. Sejauh mana sokongan Datuk Musa Hitam terhadapnya untuk menawarkan diri bertanding jawatan penting parti ini juga perlu diambil kira kerana faktor UMNO Johor dan Musa memang tidak boleh dipisahkan.

Bagaimanapun, selepas Musa, UMNO Johor perlu mengakui Muhyiddin adalah orangnya yang boleh diketengahkan walaupun beliau tidak sehebat Musa apabila bergurau, tidak setanding Musa apabila berucap dan tidak sehebat Musa apabila 'berlakon' tetapi apa yang Musa mampu lakukan, Muhyiddin juga mampu malahan mungkin lebih baik dari Musa jika dia diberi peluang.



9

TEORI
R.A.H.M.A.N
SIAPA UNTUNG





DR. MAHATHIR: Saya berkecuali

Ghasar: Betul ke?

Anwar: Hei ... tak kan tak percaya Presiden kot

Ghasar: Bukan tak percaya tapi ...

Dr. Mahathir: Sumpah ... saya bukan jenis tak kenang budi

Anwar: Budi apa pulak?

Ghasar: Itulah ... orang-orang muda kena belajar ini semua

Dr. Mahathir: Bila Musa tinggalkan I, Ghasarlah orangnya yang banyak berkorban untuk I

Anwar: Oh ... gitu. Mana saya tahu.

SETAKAT rencana ini ditulis, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed masih belum membuat sebarang pengumuman sama ada wajar ataupun tidak jawatan naib presiden ditandingi walaupun penyandang-penyalangnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid masih gagah di situ.

Nama-nama seperti Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Datuk Musa Hitam sudah hampir pasti mengesahkan diri mereka akan mencuba kerusi itu.

Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik mungkin menarik diri dari persaingan ini kerana beliau dikatakan lebih berminat untuk bertanding jawatan Ketua Pergerakan UMNO sebaik sahaja Najib mengesahkan beliau mengosongkan kerusi itu.

Jika salah seorang dari calon-calon ini menang, siapa pula di kalangan tiga naib presiden yang ada akan gugur? Tidak layakkah mereka duduk di situ sehingga semakin ramai yang berminat menawarkan diri menduduki kerusi itu.

Cuba diimbau semula sejarah UMNO di mana

sebenarnya kedudukan naib-naib presiden yang pernah memenangi cuma sepenggal atau dua kerusi itu sebaik sahaja gagal mempertahankannya.

Jika Abdul Ghafar Baba diambil sebagai contohnya. Hanya beliau yang mampu bertahan sehingga 25 tahun sebelum memenangi kerusi timbalan dengan mengalahkan Musa di dalam pertandingan yang amat sengit pada 24 April 1987 dahulu.

Ghafar mengutip majoriti 40 undi dan pemilihan berikutnya (1990) beliau tidak ditentang sesiapa sehinggalah sekarang, Ghafar dikatakan sedang diasak dengan begitu hebat Anwar Ibrahim. Bagaimanapun, dengan saranan Dr. Mahathir supaya jawatan nombor dua itu usah ditandingi, membayangkan kemungkinan pertandingan antara Ghafar-Anwar tidak akan terjadi.

Namun demikian, di peringkas **grass root** masih ada yang enggan akur dengan permintaan presiden parti sebaliknya, Ketua UMNO Bahagian Jelutong, Senator Abdul Rashid Ismail sudah mengesahkan UMNO bahagiannya akan mencalonkan Anwar untuk merebut jawatan nombor dua setelah dipersetujui semua ahli-ahli jawatan-kuasa bahagiannya.

Di Sabah, UMNO Bahagian Kinabalu juga dikatakan berhasrat mencalonkan Anwar di samping beberapa bahagian di semenanjung yang

masih belum membuat kenyataan terbuka. Dengan pelbagai perkembangan kebelakangan ini, Ghafar ketika ditinjau pendapatnya mengesahkan beliau akan mempertahankan jawatan itu walaupun hanya mendapat dua pencalonan yang membolehkannya bertanding.

Walaupun sebelum ini ada pendapat mengatakan Ghafar akan mengundurkan diri jika Anwar mengambil keputusan menentangnya, berdasarkan sejarah-sejarah lalu, tetapi ianya tidak akan berlaku.

Anwar masih belum mengeluarkan kenyataan terbuka mengenai cerita beliau ingin mencabar Ghafar walaupun pernah membuat kenyataan tidak berhasrat berbuat demikian. Dari kenyataan Anwar itu membayangkan beliau tidak berhasrat tetapi jika hasrat itu datangnya dari cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian ianya tidak menampakkan hasrat Anwar sebaliknya hasrat ahli-ahli UMNO.

Sehubungan dengan itu, tidak pula diketahui sejauh mana sokongan yang bakal Abdullah terima jika beliau juga berhasrat mencuba kerusi nombor dua jika berlaku persaingan. Walaupun setakat ini belum ada yang sudi menyebut kemampuan Abdullah menduduki kerusi nombor dua itu, tetapi di zaman Musa menjadi Timbalan Perdana Menteri, Abdullahlah orang yang diramalkan bakal menjadi orang nombor dua negara selepas Musa.

Dengan perkembangan ini membayangkan Abdullah bukan kecil peluangnya jika Ghafar sanggup membantunya. Dengan persaingan Anwar menentang Ghafar misalannya, jika Abdullah juga mendapat pencalonan, adakah peluang itu tetap pada Anwar ataupun akan berpecah dan memberi ruang kepada Abdullah pula.

Walaupun ini tidak mungkin berlaku, tetapi UMNO perlu memandang beberapa perkara yang di luar dugaan. Disebabkan kerusi nombor dua parti itu adalah kerusi Timbalan Perdana Menteri, ianya tidak memustahilkan cerita-cerita ini.

Belum pernah sejarah mengatakan seseorang yang datangnya dari kerusi Menteri Luar akan ke kerusi TPM, begitu juga dengan kerusi Menteri Kewangan dan Menteri Pertanian. Berbeza dengan (Allahyarham) Tun Hussein Onn, Tengku Razaleigh Hamzah kecewa ketika berada di Kementerian Kewangan manakala Daim Zainuddin hanya diperlukan mengisi sementara kekosongan itu sebelum diberikan kepada Anwar.

Entah apa malangnya, kerusi yang berpengaruh itu seperti juga kerusi Menteri Dalam Negeri yang pernah dipegang Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dan Musa, yang menyebabkan mereka tidak sempat ke kerusi Perdana Menteri.

Begitu juga dengan kerusi Menteri Luar yang pernah disandang tokoh-tokoh terkemuka termasuk

Datuk Abu Hassan Omar, Tengku Ahmad Rithauddeen Ismail, Datuk Rais Yatim dan Tan Sri Ghazalie Shafie tetapi tidak langsung membawa tuah kepada penyandangnya.

Walaupun Rithauddeen pernah memenangi kerusi naib presiden tetapi beliau gagal mempertahankannya untuk dua penggal sekalipun. Begitu juga dengan kerusi yang disandang Sanusi sekarang, merupakan kerusi menteri yang akan mengakhiri zaman politiknya jika dilihat dari sejarah lama.

Allahyarham Datuk Ali Haji Ahmad meninggal dunia ketika menjadi Menteri Pertanian, Datuk Manan Osman gagal memenangi kerusi Majlis Tertinggi (MT) dan gagal memenangi kerusi Ketua UMNO Bahagian Kuala Terengganu ketika duduk di situ manakala Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi terus menerus bermasalah dengan Almarhum Sultan Perak ketika dilantik menjadi Menteri Besar Perak untuk dua kali.

Jika ada ahli-ahli UMNO yang sanggup melihat perkara ini, hanya kerusi Menteri Pelajaran (Pendidikan) sahaja yang seolah-olah menjamin seseorang itu terlepas ke kerusi Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri sebelum menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Bermula dengan Hussein, Dr. Mahathir dan Musa, kecuali Ghafar nampaknya selesa duduk

di kerusi nombor dua jika mereka datangnya dari kerusi Menteri Pendidikan. Ghafar mendatangi kerusi Timbalan Perdana Menteri setelah bersara 10 tahun dari kerusi menteri dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah kementerian terakhir yang disandangnya menyamai kementerian yang menjadi kegemaran Tun Razak.

Antara naib-naib presiden yang tidak berjaya ke kerusi timbalan presiden termasuk Rithauddeen, Razaleigh, Allahyarham Tun Sardon Jubir, Datuk Harun Idris dan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Siapa selepas ini yang akan menambahkan koleksi nama-nama naib presiden yang hanya boleh diglamourkan dengan fakta sejarah tidak diketahui tetapi tidak mustahil ketiga-tiga yang ada hari ini kerana mereka bukannya dijamin mana-mana kuasa untuk kekal di situ.

Jika teori **R.A.H.M.A.N** diambil kira, Rahman (Tunku Abdul Rahman), Abdul Razak, Hussein, Mahathir dan selepas ini huruf A memungkinkan Anwar ataupun Abdullah ataupun Abdul Ghafar dan kemungkinan-kemungkinan nama-nama lain yang belum terfikir kita.

Dalam masa yang sama, seorang **H** musnah bersama dengan seorang **M** apabila dalam masa yang sama ada seorang lagi huruf yang sama. Dengan teori itu, antara Anwar dengan Abdullah, siapa yang musnah, hanya akan diketahui apabila

sampai waktunya.

H pertama musnah ialah Harun apabila bersaing dengan seorang lagi H, iaitu Hussein manakala M yang musnah ialah Musa apabila bersaing dengan Mahathir manakala A selepas ini akan menjadi persaingan antara Abdul Ghafar, Anwar dan Abdullah.



10

**KEMANA
ANNUAR MUSA**





PUH ... pinang semangat. Kalau tepat, aku akan bertanding jawatan Ketua Pemuda tapt kalau miss, aku undur diri ... barangkali itu kata Annuar ketika melontar buah pinang ketika melancarkan sukaneka sempena sambutan Hari Belia di padang Hospital Besar Kuala Lumpur.

QS IAPA selain dari Senator Datuk Haji Annuar Musa yang layak menjadi menteri dari Kelantan sebaik sahaja Barisan Nasional (BN) tewas 52-0 (Dewan Undangan Negeri 39-0, Parlimen 13-0)?

Soalan ini mungkin tidak diminati oleh sebahagian dari ketua-ketua bahagian di Kelantan kerana masing-masing merasakan mereka juga layak. Jika tidak melebihi kehebatan Annuar sekalipun, mungkin setanding dengannya.

Cuma, tiada yang berani mengakui secara terang-terangan kerana pemilihan seseorang dari Kelantan menjadi menteri adalah atas kepercayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan beliau (PM) pernah merujuk di dalam satu mesyuarat di hadapan 13 ketua-ketua bahagian, siapakah yang patut diketengahkan.

Kesemuanya menjawab, siapa juga yang PM pilih, itulah yang akan mereka sokong kerana tiada siapa yang mampu ataupun berani mengatakan dirinya adalah yang terbaik daripada yang lain-lain.

Hari ini, mengapa masih ada yang enggan melahirkan sokongan terbuka kepada Annuar di dalam menghadapi musuh politiknya di Kelantan, khususnya PAS, Semangat 46, Hamim dan Berjasa.

Annuar kelihatan keseorangan di dalam pelbagai suasana. Beliau bukan sahaja dikecam musuh, malahan rakan-rakannya dari kalangan pemuda UMNO Kelantan yang merasakan mereka juga patut dipilih terus menerus mengutuknya.

Sebagai Menteri Belia dan Sukan, Annuar juga seharusnya mengetuai pergerakan pemuda walaupun bukan satu kemestian tetapi apabila beliau menyuarakan hasratnya itu, dari kalangan exco pemuda sendiri mengecamnya seolah-olah beliau bukan dari kalangan pemimpin UMNO.

Senator Nazri mendahului lain-lain pemimpin pemuda menyifatkan Annuar menggali lubang kuburnya sendiri sebelum disambut dengan pelbagai kata-kata yang merendah-rendahkan kebolehan Annuar dari lain-lain pemimpin.

Bagaimanapun, mereka seolah-olah menafikan PM di belakang Annuar. Sebagai satu-satunya menteri dari Kelantan dan jawatannya sebagai Timbalan Penggerusi Perhubungan UMNO Negeri di bawah Dr. Mahathir, Annuar mungkin mendapat restu dari PM sebelum membuat sebarang kenyataan.

Jikapun beliau mungkin mengeluarkan pendapat peribadinya, seharusnya beliau mendapat sokongan jitu bukan kerana Annuar itu seorang menteri tetapi di dalam hasrat menjaga kepentingan politik Kelantan, mengetuai sayap parti akan

menguatkan lagi keazaman UMNO berbuat demikian.

Tidak diketahuilah jika hanya hasrat Annuar sahaja ingin merampas kembali Kelantan daripada Angkatan Perpaduan Ummah (APU) tetapi tidak menjadi hasrat lain-lain kepimpinan UMNO di seluruh negara.

Kelantan tidak bernesib baik seperti Sabah kerana sering dikunjungi pemimpin pusat untuk meninjau keadaan di sana sedangkan di Kelantan, Annuar seolah-olah keseorangan.

Walaupun PM adalah Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri, beliau amat jarang ke Kelantan kerana bebanan tugasnya di dalam dan di luar negeri berbeza dengan Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri amat kerap ke Sabah walaupun timbalannya Tun Datu Mustapha Datu Harun pula jarang pulang ke sana.

Satu saranan dari seorang ketua bahagian di Kelantan yang enggan namanya disiarkan supaya kesemua ketua-ketua bahagian berkorban untuk memberi sokongan jitu kepada Annuar sekurang-kurangnya untuk 10 tahun ke depan bagi melihat sendiri sejauh mana kejayaannya.

Sejarah membuktikan, UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tengku Razaleigh Hamzah terpaksa mengambil

masa 18 tahun (1959-1978) untuk merampas semula negeri itu dari tangan PAS. Itupun ekoran perpecahan yang berlaku di dalam PAS akibat pertelingkahan antara Tan Sri Haji Asri Muda (Allahyarham) dengan Datuk Haji Muhammad Nasir yang menyebabkan Berjasa dilahirkan.

Kemudiannya, PAS terpaksa menempuh zaman gelora selama 12 tahun (1978-1990) untuk mendapat semula kuasa itu pun ekoran dari perpecahan yang berlaku di dalam UMNO hingga menyebabkan Semangat 46 wujud di mana Presiden parti serpihan itu adalah tokoh terkemuka Kelantan iaitu Razaleigh sendiri.

Mengapa dalam masa tidak sampai tiga tahun Annuar Musa dipertanggungjawabkan, beliau sudah mula dipersoalkan kemampuannya? Adakah adil segala-galanya diletakkan di bahunya seorang sedangkan beliau hanya Timbalan Pengurus Perhubungan UMNO Kelantan yang mana pengurusnya ialah Perdana Menteri sendiri?

Secara rasionalnya, tekanan, kecaman dan kata-kata yang memburuk-burukkan Annuar dibuat oleh kalangan mereka yang cemburu dengan kejayaannya. Beliau dituduh renggang dengan Tengku Ahmad Rithauddeen, Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu sedangkan hakikatnya tidak begitu.

Beliau juga dikatakan tidak sehaluan dengan Tan Sri Mohamad Yaakob sedangkan betapa hormatnya Annuar dengan Mohamad tiada siapa sanggup mendedahkannya.

Zaman ini adalah zaman peralihan dan perubahan yang sedang melanda UMNO Kelantan. Kepimpinan baru diperlukan tetapi kepimpinan lama tidak boleh disisihkan. Oleh itu, Annuar terpaksa menempuh pelbagai peristiwa, halangan dan rintangan untuk 'berenang di dalam lautan yang sedang bergelora'.

Rithauddeen yang pernah mengeluarkan kenyataan enggan mempertahan jawatannya tidak mengotakan janjinya itu kerana 'adat orang politik, tidak akan bersara selagi darah mengalir di tubuhnya'.

Bolehkah kesalahan dan sikap begini dihalakan ke diri Annuar seorang sahaja?

Berkaitan dengan jawatan ketua pemuda, jika benarlah Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak meninggalkan kerusinya itu, elok sebenarnya hanya peluang untuk melihat anak Kelantan muncul sebagai salah seorang pemimpin pergerakan itu.

Sebelum ini, Haji Hashim Safin pernah dilantik menduduki kerusi Naib Ketua Pemuda tetapi faktor usia menyebabkan beliau terpaksa undur. Jika visi Dr. Mahathir dapat difahami oleh pemimpin

pergerakan pemuda, tidak mustahil kali Annuar diberi peluang.

Dengan mengetuai pergerakan pemuda, beliau boleh membawa 'bala tenteranya' menyerang APU di Kelantan. Itulah sebabnya, Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat masih mengekalkan jawatan Ketua Dewan Ulama walaupun menjadi Menteri Besar. Jawatannya itu mampu membantunya berkuasa di sana.

Annuar boleh jika dibandingkan dengan lain-lain calon. Boleh yang diberikan kepada Annuar hendaklah dipandang dari sudut keperluannya terhadap memperjuangkan maruah UMNO yang hampir dipadamkan terus dari bumi Kelantan oleh kekuatan APU. Namun, rasa cinta pemimpin UMNO hanya kepada UMNO di tempat masing-masing sahaja menyebabkan masalah UMNO Kelantan seolah-olah masalah Annuar seorang sahaja.

Jika pergerakan pemuda zaman ini adalah warisan zaman kepimpinan Allahyarham Tun Sardon Jubir, Tan Sri Senu Abdul Rahman, Datuk Harun Idris dan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar maka inilah masanya yang sesuai pemindahan arah kepimpinan itu ditujukan ke Annuar yang perlu disokong bukan kerana kepentingan perniagaan, masalah peribadi ataupun taksub terhadap pemimpin tetapi dengan satu cita-cita

'rampas kembali Kelantan' daripada APU yang nyata lemah di dalam mentadbirkan negeri sehingga Tengku Wong mampu memonopoli segala tender pembalakan negeri itu.

Annuar sebenarnya tidak perlu menunggu menjadi Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar ataupun Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat untuk menawarkan diri merebut jawatan itu sebaliknya, inilah masa yang paling sesuai untuk berbuat demikian.

Beliau tidak seharusnya gentar dengan amaran Nazri ataupun mana-mana tokoh kepimpinan pemuda kerana Annuar harus mempunyai semangat yang kental bagi 'menggembangkan semula UMNO di negeri Cik Siti Wan Kembang'.

Dengan semangat Tok Janggut yang tak gentar dengan gertak dan amaran Inggeris, akhirnya bumi Kelantan dihormati walaupun mayat Tok Janggut diusung sekitar Kota Bharu untuk menunjukkan kononnya inilah balasan kepada penderhaka.



II

**YUSOF NOOR...
antara politik
dengan agama**





KAHLIL: Youlab bertanding dulu

Dr. Yusof: Tanding apa?

Khalil: Naib Presiden

Dr. Yusof: You kenapa tak mahu

Khalil: Dah Najib hendak sangat

*Dr. Yusof: Alah ... bukankah you Pengerusi
Perhubungan UMNO Negeri Pahang.*

*Khalil: Dia hendak, I bagilah can. Kalau dia kalah
nanti, I cuba pulak*

*Dr. Yusof: I pun serba salah ... antara hendak
dengan tidak.*

ALANGNYA, undi tertinggi yang dimilikinya (1,030 undi (1987) dan 1,279 undi (1990) tidak menyebabkan Dr. Yusof tampil sebagai seorang pemimpin yang dikagumi di dalam menghadapi ujian dan dugaan kepimpinan.

Jika dilihat secara teliti, krisis UMNO bahagian Setiu bukanlah boleh menyebabkan UMNO Terengganu akan terkubur dengan sendirinya. Krisis ini hanya krisis kekeluargaan yang terlalu mudah untuk menyelesaiannya. Sebelum inipun bukan sekali dua krisis-krisis dalaman melanda UMNO bahagian seperti Johor Bahru dan Pasir Mas sehingga menyebabkan bahagian ini terpaksa digantung tidak pula menyebabkan ketua-ketua UMNO di bahagian-bahagian ini perlu bersara ataupun sebagainya.

Semua mengetahui Dr. Yusof menjadi ahli UMNO di Chukai, Kemaman sebelum terpilih bertanding di Setiu atas kerjasama Datuk Tengku Mahmud. Mengapakah apabila beliau balik bertanding di kawasan kelahirannya, Besut, UMNO Setiu yang diketuaainya hampir rebah tanpa bermaya?

Mengambil tindakan dengan menyalahkan orang itu dan orang ini bukanlah jalan penyelesaian

terbaik sebaliknya Dr. Yusof selaku Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri sepatutnya menjadi 'penjaga' kepada anak-anak buah yang ingin menumpang kasih.

Cuba lihat Timbalan Presiden UMNO, Ghafar Baba di dalam menanggani masalah nasional. Presiden Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad boleh lepas tangan jika menghadapi sebarang masalah sama ada di dalam UMNO ataupun lain-lain komponen Barisan Nasional (BN).

Bermula sebagai Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri sebaik sahaja dilantik sebagai Senator pada 31 Ogos 1984 kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai menteri penuh pada rombakan kabinet tahun 1987 di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Yusof melangkah dengan lebih bergaya lagi apabila ditukarkan ke Kementerian Perusahaan Awam sebaik sahaja PM mengumumkan rombakan kabinetnya pada tahun 1990 yang lalu.

Kepercayaan yang diberikan kepada tokoh agama ini membuktikan PM mahu membuktikan tokoh-tokoh agama bukan hanya mampu untuk menjaga hal ehwal agama sahaja sebaliknya boleh membuktikan kehebatannya di lain-lain kementerian tanpa sebarang prejudis.

Malangnya Kementerian Perusahaan Awam yang ditinggalkan oleh Datuk Napsiah Omar merugikan Dr. Yusof walaupun beliau banyak

mengenangkan orang-orang Terengganu di dalam usahanya mengukuhkan pengaruh di 'negeri Kuwait Malaysia' itu. Perlantikan Rahman Bakar sebagai Timbalan Pengerusi MARA dan Datuk Rashid Mohamad sebagai Pengerusi Batik Malaysia meñimbulkan banyak pertanyaan.

Pengumuman lebih awal mengenai kedudukan Pengerusi MARA, Tamrin Ghafar juga menghairankan banyak pihak. Ini kerana polisi agensi-agensi yang terletak di bawah Kementerian Perusahaan Awam hanya menghendaki jawatan-jawatan itu untuk dua tahun sepatutnya dibuat atau diumumkan secara berasingan dengan 'pemecatan' mana-mana Pengerusi termasuk MARA dan UDA.

Mengapa Pengerusi MARA dan Pengerusi UDA tertakluk kepada polisi ini sedangkan Timbalan Pengerusi MARA dan UDA tidak pula terlibat sama. Jika terlibat mengapa Datuk Zihin Hasan, Timbalan Pengerusi UDA dan Rahman Bakar tidak diberhentikan serentak dengan Pengerusipengerusinya, Zainab Abu Bakar (UDA) dan Tamrin (MARA)?

Sebenarnya kewibawaan Dr. Yusof sudah mula dipertikaikan apabila isu pertukaran Ketua Pengarah MARA gagal dilaksanakan tidak lama dahulu. Redzuan Halim berjaya mengekalkan kedudukannya di situ walaupun akhirnya Tamrin terpaksa

beralah dengan alasan mahu melanjutkan pelajaran muziknya di luar negeri.

Diikuti dengan isu pembelian keahlian kelab golf dan pelbagai isu lain hanya menampakkan seolah-olah Pengerusi MARA yang tersilap sedangkan sebenarnya masih ada pihak-pihak yang 'memberi muka' kepada Dr. Yusof.

Disebabkan satu demi satu kelemahan Dr. Yusof muncul, hari ini teguran terbuka begini perlu diketengahkan kerana dengan cara ini sahaja beliau boleh melihat sendiri kesalahan dan kesilapan yang mungkin tidak diakuinya kerana beliau selama inipun belum pernah teruji hingga boleh tercabar kedudukannya.

Amatlah tidak bijak jika benarlah kenyataan mahu mengundurkan diri itu datangnya dari mulut beliau kerana sebagai seorang pemimpin, beliau tidak wajar lari dari masalah sebaliknya di bahunya terletak masalah itu untuk diselesaikan.

Bagaimanakah hari ini jika beliau Menteri Besar Terengganu dan serentak dengan itu menjadi Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri? Alangkah malunya kejadian-kejadian seumpama ini. Dalam soal ini seluruh ahli-ahli UMNO perlulah menyanjung tinggi kehebatan Wan Mokhtar di dalam menanggani masalah yang bertele-tele di Terengganu termasuklah cerita Awang Jabar di Dungun, Alias Ali yang tidak dilantik semula

sebagai Timbalan Menteri dan dua tokoh muda yang tewas di dalam pilihanraya umum hingga menyebabkan Pergerakan Pemuda UMNO Negeri mengadakan perjumpaan khas demi untuk menjamin wakil-wakil mereka mestilah dilantik ke dalam mana-mana anak syarikat SEDC.

Kecaman terhadap MB sudah bermula dari isu Seri Terukom yang membabitkan istana dengan perniagaan juga dikaitkan dengan Dr. Yusof kerana isu ini ditimbulkan oleh Rashid, yang juga Pengurus Batik Malaysia.

Dr. Yusof juga dilaporkan gagal memujuk pemuda-pemuda yang beria-ia sangat menghentam MB walaupun beliau dikatakan mempunyai pengaruh yang tebal di kalangan pemuda-pemuda bahagian.

Kesemua isu-isu ini sudah tidak boleh disimpan lagi selain dari isu-isu mengenai kementeriannya sekarang. Soal beliau tidak cekap di dalam pembahagian teksi bandaraya, bas mini dan bas ekspres pernah didedahkan berkali-kali oleh media massa negara ini.

Pengumuman kenaikan tambang bas ekspres, bas mini dan teksi dibuat olehnya tetapi tidak mengucapkan kenaikan tambang bas berhenti-henti hingga menyebabkan timbul kekeliruan yang mengeruhkan keadaan sehinggalah Setiausaha Akhbarnya membuat kenyataan tidak lama

kemudiannya dengan alasan menteri sekarang berada di luar negeri dan terlupa membuat pengumuman tersebut.

Peranan Timbalan Menteri Perusahaan Awam langsung tidak kelihatan seolah-olah Dr. Yusof memonopoli kementerian tersebut kecuali perkara-perkara yang menyentuh mengenai peniagawati sahaja dibenarkan untuk Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman.

Paling mutakhir isu pembekuan permit bas mini dan taxi di lembah Kelang yang dibuat pada 29 Disember 1992 tetapi sehari kemudiannya Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dr. Mazlan Ahmad mengatakan pembekuan tidak dibuat ke atas pengeluaran permit bas mini khususnya di kawasan-kawasan perumahan baru.

Apakah Dr. Yusof tidak membuat kajian sebelum mengeluarkan kenyataan. Walaupun beliau lebih berhak di dalam isu kenderaan awam ini tetapi kenyataan Dr. Mazlan tidak boleh diketepikan begitu sahaja sebagai mengatasi masalah pengangkutan yang menyulitkan penduduk bandaraya.

Cuba lihat dari sudut yang lebih luas adakah timbul sebarang masalah jika seseorang dari bahagian lain tetapi bertanding di bahagian lain seperti yang berlaku kepada Dr. Yusof dan UMNO Bahagian Setiu.

Sewaktu Dr. Yusof mula dibawa ke dalam

politik beliau menjadi ahli UMNO di Bahagian Kemaman. Tidak pula menyebabkan beliau bertanding di Kemaman sebaliknya bertanding di Setiu. Siapakah yang memberi beliau laluan? Wajarkah beliau menggigit jari tangan yang menyuapkan nasi ke mulutnya?

Kemudiannya beliau berpindah bertanding di Besut dan hanya menang dengan majoriti yang tipis sebagai seorang menteri dan anak tempatan sepautnya menyedarkannya bahawa sesuatu perlu dibuat untuk mengukuhkan kedudukkannya.

Di Johor, Tosrin Jarvanthi yang menjadi Ketua UMNO Bahagian Senai diletakkan bertanding di Sedili di kawasan Kota Tinggi tidak menyebabkan hampir seluruh Ahli Jawatankuasa bahagian meletakkan jawatan secara beramai-ramai.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang mengetuai UMNO bahagian Segamat dibawa bertanding ke Kota Tinggi tidak juga menyebabkan UMNO Segamat lumpuh. Paling baru sekali Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar turut mengisi kerusi Parlimen Kota Tinggi walaupun masih mengetuai UMNO Bukit Bintang di Kuala Lumpur.

Allahyarham Datuk Syed Zain Idrus Alshahab yang ketika itu ketua UMNO Bahagian Keluang bertanding di Dun Parit Raja di dalam Kawasan

Parlimen Sri Gading.

Di Kedah, Datuk Dr. Affifuddin Omar pernah menjadi Naib Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu tetapi dieksport ke Padang Terap. Datuk Farid Ariffin mengetuai UMNO Bahagian Bagan tetapi bertanding di Balik Pulau, Pulau Pinang dan Dr. Ibrahim Saat mengetuai UMNO Bukit Mertajam tetapi bertanding di Kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Datuk Seri Rafidah Aziz bertanding di Kuala Kangsar walaupun tidak memegang apa-apa jawatan di bahagian itu tidak juga menimbulkan sebarang masalah. Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Pekan bertanding di Parlimen Rompin Pahang dan akhir sekali TPM, Ghafar pernah mengetuai UMNO Seputih tetapi bertanding di Jasin, Melaka.

Bolehkah Dr. Yusof menyebut mana-mana bahagian di antara yang disebut ini menjadi lumpuh kerana ketuanya ataupun ahlinya bertanding di kawasan lain. Jika yang dipersalahkan ialah Tengku Mahmud, mengapa beliau tidak menghadapi sebarang masalah selama aktif di dalam UMNO Terengganu sehingga memaksanya meletakkan jawatan Exco suatu ketika dahulu.

Jika Tengku Mahmud 'terlalu berkuasa' di dalam UMNO Negeri, itu bukan kesilapannya tetapi kejayaannya. Soal Wan Mokhtar lebih

seronok dengan Tengku Mahmud itu soal ‘iri hati’ sebenarnya kerana cemburukan bintang orang lain lebih cerah.

Sebagai seorang tokoh politik Dr. Yusof belum pernah dihentam, dikritik dan ditegur secara terang-terangan. Jika beliau tabah dan mengubah corak bermain politik, Insya Allah beliau akan berjaya sebaliknya jika beliau sudah berpuashati dengan pencapaiannya setakat ini, itu lah sahaja khidmat baktinya.

Lagipun Terengganu memang tidak pernah menampilkan tokoh-tokoh tahan diuji selepas Datuk Manan Osman. Manan sendiri tidak pernah menang MT dan tidak sempat menjadi Ketua UMNO Bahagian walaupun menjadi Menteri.

Jika krisis demi krisis tidak dibendung, Terengganu akan seronok dengan cerita ‘penyu di Rantau Abang’ sahaja tanpa sumbangan ke arah memantapkan UMNO. Bergaduh sesama sendiri akan merugikan semua pihak dan akhirnya tiada siapa yang dapat kecuali pembangkang.

Lihat Johor, suatu ketika dahulu pernah menampilkan tokoh-tokoh hebat tanahair malangnya krisis demi krisis menyebabkan hari ini negeri itu tandus dengan barisan pemimpin yang berkaliber.

Sebagai pemimpin nombor dua dalam hirerki kepimpinan UMNO Terengganu, Dr. Yusof jangan

terlalu merasakan beliau adalah calon terbaik yang tidak akan digugat oleh sesiapa. Walaupun beliau naik disebabkan 'kerusi subsidi' tetapi tidaklah itu bermakna beliau akan diberikan subsidi terus menerus seperti awal-awal episod politiknya.

Pandangan ini adalah pandangan dari luar Terengganu tanpa menyentuh secara terperinci krisis yang melanda UMNO Bahagian Setiu kerana sebagai seorang Ahli MT yang mendapat undi terbanyak, Dr. Yusof tidak dapat lari daripada pemerhatian orang luar Terengganu yang selama ini memendam rasa dengan cara beliau berpolitik.

Jika pegangan politiknya mahu bersara jika menghadapi masalah, lebih baik beliau bersara sekarang, bersaingan dengan Tamrin yang dikatakan tidak dilantik semula sedangkan di dalam satu perkembangan lain, Tamrin dikatakan meletakkan jawatannya dan surat perletakan jawatan sudah diserahkan kepadanya selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap MARA.

Imej agamanya tidak akan membantunya jika beliau terus menerus membiarkan masalah timbul kerana UMNO tidak memerlukan pemimpin yang pandai menelurkan masalah dan kemudiannya lari dari cuba menyelesaiakannya.

Sepatutnya beliau mencontohi Ghafar di dalam membantu Dr. Mahathir di dalam menguatkan parti dan kerajaan. Bagaimana cara Ghafar

menangani masalah MCA, PBS, USNO dan lain-lain tanpa perlu Dr. Mahathir sebagai orang nombor satu. Begitulah hendaknya Dr. Yusof dengan Wan Mokhtar sebagai orang nombor satu dan dua di Terengganu.

Dr. Yusof tidak boleh terus menerus berada di dalam dilema kerana kepercayaan ahli-ahli UMNO terhadapnya akan terhakis bukan kerana soal permit bas, lori, teksi dan lain-lain lesen tetapi kecemerlangannya dinilai setiap masa.



12

**KENAPA
ANWAR LA WAN
GHAFAR**





Dedikasi buat:

Juliana Azid... walau beribu bintang di langit, bulan juga dipuja orang.

GHAFAR masih tenang berhadapan dengan seluruh ahli MT walaupun dia ditukar dari belakang.

KEPUTUSAN Anwar mahu menentang Ghafar sebenarnya sudah dibuat sebaik sahaja selesai pemilihan UMNO tahun 1990. Bagaimanapun, tiada siapa yang sanggup mengesahkan cerita ini tetapi ianya diketahui Anwar dan Ghafar.

Bagaimanapun Ghafar masih yakin beliau tidak akan ditentang selagi Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad masih memerlukan khidmatnya dan setakat ini tiada tanda-tanda yang mengatakan Dr. M sudah tidak memerlukan perkhidmatannya.

Awal tahun 1993, seorang penulis, Ahmad Lufti Othman menerbitkan sebuah buku berjudul *Anwar Lawan Ghafar?* dan disamput Anwar dengan dakwaan ianya dibuat penulis upahan. Bagaimanapun, apabila sampai tarikh 23 Ogos 1993, secara rasminya Anwar mengumumkan beliau mahu menerima pencalonan untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO, secara tidak langsung ramalan dan tulisan 'penulis upahan' itu benar dan tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

Musim-musim pertandingan di dalam UMNO nampaknya lebih hebat daripada musim-musim pertandingan di dalam parti-parti lain. Misalannya, Semangat 46, Pas dan DAP juga menghadapi

persaingan yang hebat di dalam musim-musim tertentu tetapi ianya tidak menarik minat penulis untuk mencatatkan sesuatu.

Anwar tentunya tidak seronok mengatakan keputusannya menerima pencalonan ini berdasarkan tulisan-tulisan liar tetapi mestilah disebabkan beliau sudah membuat keputusan sendiri setelah mendengar beberapa pandangan dari rakan-rakannya.

Begitu juga dengan Ghafar, seharusnya beliau sebagai seorang ahli politik veteran, tidak mudah melatah dengan tindak-tanduk orang muda seperti Anwar. Jika beliau merasakan Anwar kuat, carilah jalan untuk mengatasinya. Beliau bukan semalam masuk UMNO dan pertandingan ini bukan pertandingan pertama baginya kerana beliau berjaya kekal sebagai Naib Presiden UMNO selama 25 tahun,

Kenapa Anwar lawan Ghafar terjawab apabila ahli-ahli UMNO sendiri menyaksikan kesemua Menteri-menteri Besar, Ketua Menteri, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen bersama-sama Anwar. Perdana Menteri sendiri tentunya lebih faham kekuatan yang ada pada diri Anwar menyebabkan beliau terpaksa berdiam diri.

Menurut satu cerita Datuk Seri Sanusi Junid juga turut hadir di majlis itu. Sama ada benar

ataupun tidak, tiada siapa dapat mengesah-kannya.

Satu cerita yang tidak kurang menariknya ialah Dr. M memang sudah tidak berkenan dengan Ghafar sejak perlantikan anaknya Mohd Tamrin yang juga Ahli Parlimen Batu Berendam menjadi Penggerusi Mara dibuat Menteri Perusahaan Awam.

PM dikatakan kesal dengan tindak tanduk Tamrin di Mara yang menyebabkan beliau akhirnya ditamatkan perkhidmatannya. Bagaimanapun serangan-serangan media terhadap Tamrin dibuat bertujuan merosakkan Ghafar dan apabila jelas terjejas imej Ghafar ekoran kejadian-kejadian itu, Anwar mendapat maklum balas mengatakan beliau sebenarnya mempunyai musuh yang sama dengan banyak pihak.

Tamrin juga dikatakan menjadi penasihat kepada bapanya Ghafar di dalam banyak hal. Tamrin bukan sahaja tidak disenangi Ketua Menteri Melaka, malahan kedudukan Tamrin sebagai Ahli Parlimen di batu Berendam juga dikatakan atas 'permintaan Ghafar' yang terpaksa diberikan Rahim.

Dari lima kerusi Parlimen di Melaka, satu dikuasai MCA (Selandar), satu DAP (Kota Melaka) dan tiga UMNO. Dari tiga kerusi itu, hanya satu sahaja diwakili orang Rahim iaitu Haji Ibrahim Jendol (Alor Gajah) manakala dua lagi dikuasai

Ghafar (Jasin) dan Tamrin (Batu Berendam).

Peluang Anwar menentang Ghafar ini diambil kesempatan Rahim disebabkan masalah antara Rahim dengan Ghafar ini memang diketahui sejak lama dahulu. Menurut ceritanya, sewaktu Ghafar menjadi Ketua Menteri Melaka, bapa Rahim Datuk Tamby Chik pernah menjadi wakil rakyat di Melaka.

Waktu itulah, Ghafar dikatakan bermasalah dengan Tamby Chik yang akhirnya memperlihatkan Tamrin pula menjadi wakil rakyat (Exco Kerajaan Negeri) sewaktu Rahim menjadi Ketua Menteri.

Walaupun ini cerita lama tetapi pusingan-pusingan ini seolah-olah ketentuan Allah yang tidak dapat dielakkan.

Tidak mustahillah Rahim berada di kem Anwar sekarang kerana jika bukan kerana sehati sejiwa sekalipun tetapi disebabkan mereka mempunyai musuh yang sama maka apalah salahnya mereka menghalakan sasaran ke satu pusaran serupa.

Ghafar pula terkenal sebagai seorang yang tidak tahu menjaga orang-orangnya. Itulah sebabnya orang kuatnya seperti Datuk Dr. Haji Azman Attar Othman, Ketua UMNO Bahagian Batu Wilayah Persekutuan sendiripun berpaling tada.

Kalau politik itu suatu perjanjian, agak mustahil Azman boleh memusingkan kiblat politiknya tetapi keadaan sudah berubah, maka segala-galanya berubah.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat sendiri merupakan orang kuat Ghafar. Beliau dikatakan sering mengetuai kakitangan Ibu Pejabat UMNO mengadakan majlis sambutan Hari Jadi Ghafar setiap tahun tetapi akhirnya berada bersama-sama Anwar disaat-saat Ghafar memerlukan sokongannya.

Inilah antara faktor mengapa Anwar mengambil keputusan menentang Ghafar kerana beliau sedar semakin ramai pemimpin-pemimpin UMNO di semua peringkat berdiri bersama-sama di dalam pertandingan kali ini.

Sebagai seorang pemimpin Anwar tidak wajar membuat pengisytiharan mahu menentang Ghafar di Ibu Pejabat UMNO kerana bagi beliau lebih elok jika mengumumkan mahu turut serta dalam pertandingan itu secara informal sahaja di mana-mana selepas menghadiri mana-mana majlis.

Namun demikian dipercayai beliau dengan nasihat Mohamed (Rahmat) akhirnya mengadakan satu majlis yang boleh dianggap sebagai menunjukkan kekuatan dengan dihadiri sebahagian besar kepimpinan UMNO.

Selepas majlis itu beberapa Menteri Besar pula membuat pengumuman mahu mengadakan pertemuan dengan Ghafar untuk mencadangkan Ghafar supaya memberi laluan kepada Anwar.

Alangkah tidak manisnya kenyataan itu. Mengapa sebelum mereka menghadiri majlis itu, mereka tidak berusaha mengadakan pertemuan dengan Ghafar dan mengapa masalah dalaman UMNO mesti didedahkan kepada umum melalui media massa?

Sebagai orang tua, Ghafar wajar berkecil hati dengan sikap kepimpinan UMNO hari ini. Beliau bukan sahaja tidak dihurmati malahan tidak diperdulikan di waktu beliau masih lagi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.

Andaikata Tengku Razaleigh Hamzah suatu ketika dahulu mempunyai kekuatan seperti ini, apakah nasib Datuk Musa Hitam dan Dr. Mahathir Mohamad waktu itu?

Dari pengalaman ini, jika Anwar menjadi Perdana Menteri beliau tidak mungkin akan melantik sesiapa menjadi Menteri Kewangan kerana telah terbukti dengan menduduki kerusi itu, pengaruh seseorang amat luar biasa.

Hari ini hari Ghafar. Ghafar bukannya datang dari kem Anwar. Ghafar dibawa masuk ke dalam

kerajaan sebaik sahaja Musa berhenti. Waktu itu, tiga Naib Presiden yang ada ialah Abdullah Ahmad Badawi, Ghafar dan Wan Mokhtar.

Ketua Pergerakan Pemuda waktu itu ialah Anwar. Jika Dr. M mahu Anwar menggantikan Musa, tidak mustahil baginya kerana sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, beliau juga adalah Naib Presiden UMNO. Abdullah memang tidak mungkin diangkat Dr. M kerana beliau lebih dikenali sebagai orang Musa walaupun Dr. M yang membawanya masuk politik.

Bagi Wan Mokhtar pula beliau bukan Ahli Dewan Rakyat yang memustahilkannya menjadi Timbalan Perdana Menteri sebelum beliau terlepas kerusi Naib Presiden di dalam pemilihan tahun 1990.

Apabila Dr. M mengumumkan Ghafar sebagai regunya menggantikan Musa yang berhenti, banyak pihak mengajukan soalan kepadanya (Dr. M) samada perlantikan Ghafar bersifat sementara ataupun selama-lamanya, sehingga beliau bersara.

Tiada jawapan yang jelas yang dihamburkan Dr. M sebaliknya kenyataan-kenyataan Dr. M seringkali boleh ditafsirkan pelbagai yang menggambarkan beliau memang sedang berusaha mengilap seseorang bagi menggantikannya.

Dr. M dikatakan tidak seronok apabila dikatakan bakal melahirkan penggantinya yang tidak sehebatnya. Jika dilihat Tunku Abdul Rahman melahirkan Tun Razak, Tun Razak pula melahirkan Tun Hussein manakala Tun Hussein melahirkannya, di manakah beliau mahu meletakkan mukanya apabila beliau hanya mampu melahirkan Ghafar sebagai penggantinya.

Walaupun Sanusi pernah berkata, apabila Suleiman Palestin yang lebih muda menentang Tun Hussein yang lebih tua, kitakekalkan yang tua, Tengku Razaleigh yang lebih muda menentang Dr. Mahathir yang lebih tua, kitakekalkan yang tua, Ghafar yang lebih tua menentang Datuk Musa yang lebih muda, kita pilih yang tua mengapa kali ini, Anwar yang muda ingin menentang Ghafar yang lebih tua, kita harus memilih yang muda?

Sejarah ini jika berubah juga akan memperlihatkan perubahan yang mungkin berlaku di kerusi Naib Presiden di mana belum pernah terjadi ketiga-tiga Naib Presiden akan bertukar serentak.

Media-media utama di negara ini jelas menjadikan Ghafar, Sanusi dan Pak Lah sebagai tokoh-tokoh dari parti-parti pembangkang yang tidak mendapat tempat di dada mereka.

Atas sebab itu juga, mana-mana calon yang berada di dalam perahu Anwar akan mendapat publisiti yang melimpah-limpah mengulangi sejarah yang pernah menimpa Musa dan Tengku Razaleigh suatu ketika dahulu.

Soal UMNO berpecah ataupun akan mati sekali lagi bukan isu utama yang menjadi ketakutan mana-mana pihak. Ini kerana UMNO sudah biasa berpecah, UMNO juga sudah pernah mati. Namun di dalam pilihanraya umum, UMNO masih boleh berkuasa semula walaupun beberapa negeri terlepas ke tangan pembangkang menyebabkan pemimpin-pemimpin UMNO tidak gentar dengan sebarang kejadian terhadap UMNO selepas ini.

Itulah sebabnya walaupun Perdana Menteri mengatakan mana-mana bahagian yang mencalonkan Anwar adalah berkepentingan peribadi, ternyata tidak diperdulikan sesiapa dan masih ada ketua-ketua bahagian yang terus mengeluarkan kenyataan untuk berbuat demikian.

Jika ketua-ketua bahagian sudah berani menentang Presiden apatah lagi Anwar yang memang sudah semakin kuat dan menjadi anak emas kepada Presiden UMNO sejak beliau diundang menyertai UMNO.

KENAPA ANWAR LAWAN GHAFAR



SIAPA GUGUR





13

**APA TUGAS
MUHYIDDIN &
SYED HAMID?**





YOU kena sabar Sanusi. Macam-macam orang kena mengenai saya tak suka you. Tapi itu hanya simbah. Kalau saya tak suka, lebih baik saya pecat you. I yakin suatu hari nanti you akan jadi PM. Percaya lah segala-galanya ditentukan oleh Allah SWT. I tabu Syed Hamid Albar pun suka kan you.

EBAIK sahaja Raden Basiron Raden Said meneruskan tugasnya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Negeri, pemuda Johor seolah-olah sudah selesai menghadapi masalah dan boleh meneruskan perjuangannya membantu Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin di dalam mengemudikan kerajaan negeri.

Tetapi secara tidak sedar, pemuda Johor kini sudah berpecah kepada tiga puak yang hampir-hampir boleh melumpuhkan keseluruhan organisasi itu di peringkat negeri yang memang diketahui oleh Basiron tetapi cuba ‘disapukan di bawah permaidani’ bagi membuktikan penerusan kepimpinannya memang diperlukan oleh seluruh ketua pemuda bahagian.

Puak pertama ‘berketuakan’ Basiron sendiri, kedua dengan Jamaluddin Abu Bakar dan ketiga, dengan Muhamadun Bakar. Disebabkan permainan Nasir, maka Basiron kembali mengetuai pemuda sedangkan Ketua Pemuda, Datuk Seri Najib Tun Razak dikatakan sudah bersetuju untuk menukar Basiron dengan Masri Saryani ataupun Sulaiman Taha.

Namun demikian, disebabkan kelazimannya Ketua Pemuda pusat akan berunding terlebih dahulu dengan Pengurus Perhubungan UMNO

Negeri, sebelum sesuatu perlantikan dibuat maka Muhyiddin dikatakan sudah mencadangkan nama Muhamadun, Ketua Pergerakan Pemuda Kota Tinggi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sedili menggantikan Basiron jika Masri tidak ber kemampuan untuk melaksanakan tugasnya disebabkan tugas dan tanggungjawabnya di Muar.

Wakil Najib yang menemui Muhyiddin, Sulaiman Taha yang juga Penolong Setiausaha Pemuda Pusat adalah calon pilihan Najib tetapi tidak menimbulkan masalah dengan Muhyiddin terpaksa membawa cadangan Muhyiddin kepada Najib bahawa negeri menghendaki Muhamadun jika Ketua Pemuda Negeri Johor dikehendaki bertukar.

Masalah pemuda Johor ini agak rumit sedikit kerana apabila seseorang itu dilantik mereka tidak menghormati Pengurus Perhubungan UMNO Negeri kerana seolah-olah ketua mereka hanya Najib seorang dan kepada Najiblah taat setia mereka curahkan. Walaupun itulah prinsipnya tetapi disebabkan Ketua Pemuda Negeri juga adalah Ahli Jawatankuasa Perhubungan UMNO negeri (secara otomatik), maka banyaklah rahsia-rahsia UMNO negeri berada di tangan mereka. Jika mereka tidak mengkiblatkan taat setia kepada kepimpinan negeri, ini pasti menimbulkan masalah di peringkat negeri.

Satu perkara penting yang perlu diingat ialah Ketua-ketua Pemuda Negeri perlu mengetahui bahawa Muhyiddin juga adalah bekas Ketua Pemuda Negeri sewaktu dilantik menjadi Menteri Besar suatu ketika dahulu. Oleh itu, beliau tentunya mengetahui selok-belok kepimpinan pemuda yang kini dipimpin oleh tenaga-tenaga junior.

Di dalam satu mesyuarat Pemuda Negeri yang dihadiri oleh Najib, Nasir yang beria-ia sangat ingin mengetuai semula pemuda negeri telah mencadangkan nama Basiron sebagai calon yang layak kerana beliau beranggapan bahawa jika bukan dia yang patut mengetuai pemuda, biarlah Basiron kembali ke jawatan asalnya.

Waktu itu, Basiron dikatakan mengalirkkan airmata dan mengaku kesilapan yang dilakukan sambil menunjukkan gambar-gambarnya menerima ijazah dan bergambar di hadapan salah sebuah universiti di Amerika bagi mengesahkan 'kehilangannya' selama ini adalah kerana menyambung pelajaran.

Namun demikian, dari satu sudut lain jika Najib memilih cara mengundi dijalankan untuk mengetahui siapa pilihan ketua-ketua pemuda bahagian untuk mengetuai mereka, Jamaluddin (Ledang) adalah pilihan mereka.

Tetapi jika Najib bersetuju dengan cadangan Muhyiddin, Muhamadun adalah Ketua Pemuda

Negeri yang baru dan pastinya tidak akan mendapat bangkangan kecuali daripada Nasir yang menanggih jawatan itu. Begitu juga jika Najib menamakan Sulaiman juga tiada bangkangan kerana Sulaiman memang boleh diterima oleh semua ketua pemuda bahagian kecuali ada seorang dua yang mencanangkan Sulaiman bukan anak Johor dan tidak wajar mengetuai pemuda Johor.

Sebelum ini tiada siapa menyebut Datuk Shahrir bukan anak Johor yang menjadi Menteri dari Johor, Kadri Sabran bukan anak Johor tetapi menjadi Exco Kerajaan Negeri, Datuk Syed Hamid Albar juga menjadi Menteri dari Johor dan akhir sekali Abdul Hamid Abdul Rahman yang kini menjadi Ahli Parlimen Sungai Benut juga bukan anak Johor.

Jawatan Ketua Pemuda Negeri Johor menjadi rebutan kerana ianya dijanjikan dengan kerusi wakil rakyat. Sejarah telah membuktikan setiap penjawat jawatan Ketua Pemuda Negeri akan menjadi wakil rakyat, jika bernasib baik, menjadi Menteri Besar atau Exco Kerajaan Negeri.

Allahyarham Datuk Abdul Rahman Mahmud, Allahyarham Datuk Mohd Yunos Sulaiman, Haji Abdul Rahman Sabri, Muhyiddin, Haji Muntaha Kailan dan kini Nasir semuanya sudah bergelar Yang Berhormat. Oleh itu, tidak hairanlah kerusi itu menjadi rebutan kerana ianya menjanjikan

sesuatu walaupun musim seseorang itu menjadi ketua pemuda negeri tidak melalui musim pilihanraya. Dengan lain perkataan, bekas ketua pemuda negeri sekalipun akan diberi peluang menjadi wakil rakyat apabila tiba pilihanraya.

Beberapa tokoh terkemuka tanahair yang pernah mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO termasuklah Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar, Tun Hussein Onn, Tun Sardon Jubir manakala Datuk Mohamed Rahmat pula pernah menjadi Naib Ketua Pemuda sebelum tewas di tangan Syed Jaafar Albar. Mampukah hari ini Johor menampilkan tokoh-tokoh terkemuka seumpama itu untuk mengembalikan kegemilangan negeri itu?

Persiapan awal yang boleh diketengahkan setakat ini ialah Haji Asmaun Ismail dan Syed Omar Syed Abdullah sebagai ketua-ketua pemuda bahagian sebelum menampilkan mereka sebagai calon Exco pergerakan pemuda di peringkat pusat. Peristiwa kekalahan Jamaluddin dan Basiron (kedua-duanya dilantik) di dalam pemilihan tahun 1990 lalu seolah-olah meminta UMNO Johor menggantikan barisan pemimpin pemuda yang ada dengan muka-muka baru yang lebih berwibawa.

Asmaun yang juga Setiausaha Politik Menteri Besar disebut-sebut bakal Ketua Pemuda Pagoh

bagi menggantikan Bani Abdul Razak yang direhatkan sekarang manakala Syed Omar disebut-sebut bakal Ketua Pemuda UMNO Bahagian Johor Bahru menggantikan Mohd Ghauth Yusof yang cukup umur 40 tahun.

Namun demikian, disebabkan Syed Omar adalah Setiausaha Politik Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kehakiman yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi. Oleh itu, adalah lebih wajar jika Syed Hamid 'memberi lampu hijau' kepada Syed Omar mengetuai pemuda bahagian yang bakal beliau ketuai, Kota Tinggi.

Jika kita menoleh ke belakang, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Ketua UMNO Bahagian Mersing 'pernah' membenarkan Setiausaha Politiknya, Haji Ikhwan Nasir menjadi Timbalan Ketua UMNO Bahagian itu. Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Penerangan yang juga Ketua UMNO Bahagian Pulai 'membenarkan' Setiausaha Politiknya, Baharom Abdul Ghani menjadi Timbalan Ketua UMNO Bahagian tersebut.

Bekas Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Mustaffa Muhammad juga tidak menghalang Setiausaha Politiknya, Daim Abdul Rahim menjadi Ahli Jawatankuasa merangkap Setiausaha Bahagian Sri Gading. Seorang lagi bekas Menteri Kebajikan Masyarakat, Shahrir juga tidak ada masalah apabila

Setiausaha Politiknya, Khalid Nordin menjadi Ketua Pemuda Bahagian Johor Bahru dan Setiausaha akhbarnya, Haji Shukor Ismail menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian yang sama.

Apakah Muhyiddin dan Syed Hamid sudah bersedia untuk 'memberikan lampu hijau' kepada Setiausaha Politik mereka membantu mereka di bahagian masing-masing yang pastinya memudahkan kerjanya sebagai Menteri Besar dan Menteri di dalam tugas-tugasnya di bahagian masing-masing.

Lagipun Asmaun dan Syed Omar merupakan gandingan baru yang boleh diketengahkan untuk memulakan langkah di dalam usaha mengembangkan semula UMNO Johor yang seolah-olah berada di dalam gerhana beberapa ketika.

Jika Muhyiddin dan Syed Hamid tidak berminat untuk menentang Najib sebagai Ketua Pemuda, apalah salahnya Setiausaha-setiausaha Politik mereka dibenarkan menjadi Ketua Pemuda Bahagian-bahagian yang mereka ketuai dan serentak dengan itu menyokong mereka menjadi calon Exco Pergerakan Pemuda UMNO bagi menampung kekurangan calon yang berpotensi dari Johor.

Dua Exco Pergerakan Pemuda dari Johor yang ada sekarang adalah Exco yang dilantik. Sulaiman dengan jawatannya sebagai Penolong

Setiausaha adalah jawatan perlantikan manakala Ariss Shamsuddin, Ketua Pergerakan Pemuda Parit Sulong juga merupakan Exco dilantik.

Suatu ketika dahulu Exco dari Johor adalah tokoh-tokoh yang terkemuka hari ini di pusat termasuk Sulaiman Aris, Ikhwan, Ruhanie Haji Ahmad, Muhyiddin, Tok Mat, Jamaluddin dan Haji Abdul Ghani Othman. Inilah ketikanya jika Muhyiddin dan Syed Hamid mempunyai keazaman untuk melihat kegemilangan UMNO Johor kembali kezamannya.

Begitu juga dengan wanita, suatu ketika dahulu Tan Sri Fatimah Hahsim, anak Johor pernah mengetuai Pergerakan Wanita (UMNO dan Allahyarham Khatijah Sidek (bukan anak Johor tetapi lama menetap di Johor) pernah menjadi pemimpin wanita nasional yang terkemuka namun demikian, mereka tidak meninggalkan 'waris kepimpinan' yang boleh dibanggakan.

Walaupun wanita Johor boleh berbangga dengan tiga Ahli Dewan Undangan Negerinya dan seorang Exco, tetapi sepatutnya usaha dibuat untuk mengenangkan wanita dari Johor sebagai pemimpin nasional yang terkemuka.

Adun Benut, Hajah Khatijah Md. Som misalnya sudah boleh mengetuai Wanita Negeri dan serentak dengan itu menjawat jawatan Exco Wanita UMNO Malaysia, di samping Datin Atikah Abdullah, Hajah

Sabariah Ahmad, Hajah Sharifah Dora Syed Mohamad dan Datuk Paduka Fatimah Salim.

Secara seriusnya, era 90-an inilah kepimpinan UMNO Johor perlu memikirkan secara serius untuk mengambil jalan membawa Johor ke zaman gemilang yang pernah dikehendaki suatu ketika dahulu.

Walaupun mungkin Johor tidak dapat menampilkan semula Allahyarham Datuk (Sir) Onn Jaafar, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, Datuk Abdul Rahman Yassin, Tun Dr. Awang Hassan, Jaafar Albar, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Tan Sri Hassan Yunos, Tan Sri Kadir Yusof, Datuk Ali Haji Ahmad tetapi sekurang-kurangnya kegemilangan yang pernah dibawa oleh Datuk Musa Hitam dan Tun Husein Onn akan berulang.

Gandingan Muhyiddin dengan Syed Hamid Albar sudah menyaksikan bibit-bibit kejayaan yang diingini itu. Jika benar Syed Hamid akan ke Johor dan mengetuai UMNO Bahagian Kota Tinggi manakala Hasmoni Salim berpindah ke Tenggara (jika berlaku pembahagian semula kawasan pilihanraya), seolah-olah Syed Hamid dibawa ke Johor untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh Musa, Shahrir dan Ajib.

Manakala Muhyiddin pula yang selama ini dianggap 'tenggelam karier' politiknya sudah membuktikan bahawa tenggelamnya selama ini membuat dua kerja sekaligus, iaitu sambil

menyelam minum air. Beliau bukan sahaja berjaya menangani masalah antara Sultan Johor dengan rakyat malahan serangan pembangkang terhadap Johor juga semakin reda sekarang.

Itulah sebabnya Pergerakan Pemuda UMNO Johor dan Pergerakan Wanita UMNO Negeri itu berganding bahu dengan Muhyiddin yang memerlukan sokongan jitu daripada sayap parti di bawah pimpinannya.

Basiron, Nasir, Aziz Kaprawi dan seorang dua ketua-ketua pemuda bahagian yang tidak 'seronok' dengan Muhyiddin sepatutnya berundur dari posisi masing-masing kerana sudah ternyata mereka gagal bekerjasama dengan pucuk pimpinan peringkat negeri.

Begitu juga dengan Ketua-ketua Bahagian yang merasakan mereka sudah tidak dapat memberikan sumbangan terhadap parti baik di peringkat bahagian ataupun negeri adalah lebih baik mengosongkan tempat mereka supaya diganti dengan pemimpin baru yang lebih berwibawa.

Tidak mustahil bagi Mohd Yassin Kamari 'dibenarkan' mengetuai UMNO Bahagian Sri Gading apabila Mustaffa berada di luar negeri atas tugasnya sebagai Duta Besar ke negara Brunei Darussalam.

Datuk Ajib memberi lalu kepada Rahman Sabri yang agak lama menjadi Timbalan Ketua UMNO Bahagian Mersing disebabkan beliau (Ajib)

ternyata tidak mempunyai banyak masa dengan UMNO bahagian disebabkan masa bersaranya (beliau bekas Menteri Besar dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dengan keluarga.

Ajib dikatakan tidak akan menghadiri apa-apa majlis yang dianjurkan oleh Menteri Besar sekarang disebabkan beliau mahu banyak masa bersama-sama isteri dan anak-anaknya.

Begitu juga dengan Shahrir yang amat kurang bersama-sama majlis UMNO negeri kerana mungkin mempunyai alasan yang sama dengan Ajib.

Masa untuk merajuk-rajuk seperti yang Musa amalkan sudah berlalu. Sesiapa juga yang merasakan tidak boleh memberikan komitmen secara ikhlas dan mendalam kepada UMNO Johor wajarlah mengambil jalan selamat iaitu bersara. Johor sudah tidak terkilan dengan kehilangan bekas Ahli MT, Mohd Nor Mohd Dom yang tidak banyak menyumbang jasa kepada UMNO Negeri selain daripada kerja-kerja untuk kepentingan dirinya dan 'puaknya'.

UMNO Johor juga sudah pernah mengalami peristiwa seorang Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri meninggalkan biliknya (pejabat) dengan berkunci dan menghilangkan segala fail-fail penting kerana kecewa digugurkan daripada menjadi calon di dalam pilihanraya.


Itulah sebabnya untuk mengisi jawatan

SIAPA GUGUR

Setiausaha Kerja UMNO negeri yang dikosongkan oleh Hamzah Othman belum terisi sehingga kini kerana 'sejarah hitam Hamzah' menghantui Pejabat UMNO Negeri.



INI bukan buku penulis upahan. Ia juga bukan buku mendedahkan pelbagai cerita keburukan Osman Aroff tapi naskbah Majalah North Review.



DIALOG ini berkisar mengenai belanjawan 1994 dan bukan untuk meminta sokongan berlanding jawatan Timbalan Presiden. YB Shabid dan sudah terlanjur buat sokongan terbuka menyebabkan ada cerita-cerita timbul mengenai pemberian lot-lot sabam kepadaanya yang menyebabkan dia tak sabar-sabar nak buktikan sokongannya kepada Anuar.



ANNA masuk beranakung sebab kehendak Pergerakan Remuda bahagian. Walaupun mereka tak sokong secara terbuka tetapi mereka datang jumpha. Ana sebab nak juga airmuka Najib dan lain-lain Menteri Besar. Namun demikian, Ana berdoa akan diberi rahmat oleh Allah SWT. Amin.



NAJIB cukup percaya angka 11. Itulah sebabnya dia umum mahu bertanding Naib Presiden pada 11 haribulan dan jam 11 pagi. Nomor keretanya juga 11. Guna katwin dua kait belum 11 kali.



MUFTI Shuib sanggup jadi mangsa politik. Walaupun Muhammad tak bagi can dia jadi Exco, tapi dia masih steady. Orangnya baik dan ada vision. Cuma kesetiaannya pada UMNO mengatasi kesetiaannya kepada pemimpin-pemimpin tertentu menyebabkan dia ditekan.




ZAINAL: Bagilah saya peluang jadi MB bila anta jadi PM nanti

Anwar: Tak boleh ... sebab ana dah janji kat Salamon

Zainal: Jadi TMB boleh?

Anwar: Tengoklah ... buatlab kerja bantu boss anta dulu

Zainal: Itulah yang teruk kira-pun dust sebarang ni untuk rugi



ANWAR: Abang Sin sokong saya tak?

Hussin: Itu rahsia

Anwar: Dengar-dengar Abang Sin tak sokong?

Hussin: Dengar dari siapa?

Anwar: Itu rahsia

Hussin & Anwar: Kab ... kab ... kab.

SAYA rasa saya masih muda. Itulah sebabnya saya campur politik orang-orang muda. Maafslab Pak Ghafar sebab Pak Ghafar sudah tua.... barangkali itu kata Wan Moktar kepada Gbazar.



Awak semua kena buat kerja untuk saya. Tengok apa sudah jadi pada Jamaluddin Bakar yang cuba tak sokong saya. Saya bawa Hisbammuddin cucu Datuk Onn lawan dia. Akhirnya dia lewas. Awak semua kalau cuba tentang saya, tunggulab. Lagipun di Kementerian Kewangan saya lebih banyak buat kerja dari Anwar. Tengoklah siapa lebih pandai ekonomi antara Anwar dengan saya ... mungkin itu kalau Abdul Ghani Othman kepada peserta Persidangan

Kredit Kebangsaan baru-baru ini.



PERSATUAN BEKAS PERAJURIT MALAYSIA
LIMA RATUS RIBU SAHAJA

4.0005 999
4.0005 999

RM 500,000.00

500,000.00
500,000.00

RM500,000 mana cukup. Kalau bendak tanding Naib Presiden kena RM2 juta baru cukup. Itulah sebabnya bila Daud minta kat Leman Tabu RM500 saya tak boleh bagi sebab tak cukup budget. Leman hanya beri RM199.99 sen sahaja



RAMLI seorang pemimpin baik yang tak suka menonjol diri. Sikapnya suka menolong bukan untuk kepentingan politik peribadinya. Tapi masih ada yang bermuka-muka di depannya untuk sesuatu tujuan.



ABU HASSAN: Ini makjun apa?

Wanita: Makjun Arjuna

Abu Hassan: Itu makjun Sanusi

Wanita: Bukan itu makjun Pak Raden Salleh

Abu Hassan: Boleh kuatkah?

Wanita: Kuat apa?

Abu Hassan: Kuat untuk saya lawan Naib Presiden

Wanita: Ini untuk tenaga Tok, bukan untuk politik

Abu Hassan: Politikpun kena kuat tenaga, baru boleh round kempen cari undi

Wanita: Ob ... itu saya belum belajar lagi

Kip Babadon dan Khalid tersenyum mendengar celoteh

Abu Hassan



YB HASHIM Ismail melepaskan merpati sebagai tanda lepas geramnya terhadap sikap pemimpin UMNO Babagian Ledang yang sanggup gadai maruah kerana wang ringgit. Bagaimanapun beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Johor percaya abli-abli UMNO Ledang akan tersedar juga suatu hari nanti angkara wang akan menjahanamkan parti.



SAYA ada prinsip. Saya tak suka dipermainkan. Soal menang atau kalah soal lain. Yang pastinya ketia-kerja beres. Jangan asyik berpolitik hingga lupa tanggungjawab. Mungkin itu pandangan seorang pemimpin yang terkenal kerana bersih, cekap dan amanah dan baik peribadinya.

Annuar tidak bertanding Ketua Pemuda UMNO

JALA LUMPUR 10 Ogos — Menteri Belia dan Sukan, Senator Annuar Musa hari ini mengumumkan tidak akan berbertanding jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO pada perhimpunan agung parti November ini.

Annuar berkata, keputusan tersebut dibuat seolah mengkaji, berunding serta merujuk kepada rakan-rakan dalam Pemuda UMNO dari pelbagai peringkat termasuk don-calon yang telah engsyiharkan untuk bertanding dan pemimpin-pimpinan kanan parti.

"Saya hanya akan membawakan diri untuk mempertahankan kedudukan sebagai ahli Majlis tertinggi (MT)," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Kata Annuar, nasihat dan pandangan supaya beliau tidak bertanding timbang dengan penuh imangat berdasarkan keikhlasan, keterbukaan, esederhanan dan yang



ANNUAR MUSA

lebih utama cintakan parti.

Beliau berharap, keputusan tersebut akan menghapuskan segala spekulasi mengenai kemungkinan beliau turut bertanding bagi merebut jawatan Ketua Pemuda Malaysia.

Bagi Annuar, Ketua Pemuda adalah jawatan penting yang mempunyai peranan amat besar dan berat untuk ditangani.

"Pemuda UMNO Ma-

laysia adalah tenaga penting untuk membina kekuatan parti dengan memastikan kesinambungan dan kepercayaan bangsa mendukung perjuangan kita," katanya.

Tegas Annuar, kekuatan tersebut tidak mungkin lahir daripada individu semata-mata, malah yang utama ialah kesepaduan yang berkesan.

"Adalah lebih baik saya jadi orang kecil dalam satu perahu yang besar daripada menjadi orang besar di dalam perahu kecil yang boleh tenggelam," katanya.

Menginsafi hal itu, Annuar berkata: "Sebagai pencinta parti saya harus menumpukan kepada perjuangan yang menguatkan parti sebagai pergerakan yang padu dan mengatasi kepentingan individu."

Annuar berikrar akan terus memikul tanggungjawab serta amanah yang diberi oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden parti dan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Kelantan.

KENYATAAN Annuar Musa enggan bertanding di Utusan Malaysia 11 Ogos 1993.

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKUINI?**

Jika belum pesan terus dari:



IQ COMMUNICATION
P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.


Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM5.00 untuk senaskhah buku MENGAPA MUHYIDDIN TIDAK POPULAR.

Nama: _____

Alamat: _____

SUDAHKAH ANDA MEMILIKI BUKUINI?

Jika belum pesan terus dari:



IQ COMMUNICATION
P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.

Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM5.00 untuk senaskhah buku UMNO PAS REALITI & MARUAH WARTAWAN POLITIK.

Nama: _____

Alamat: _____

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKU INI?**

Jika belum pesan terus dari:

**SEMPATKAH
GHAFAR
JADI PM?**



IQ COMMUNICATION

P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.


Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM5.00 untuk senaskhah buku SEMPATKAH GHAFAR JADI PM?

Nama: _____

Alamat: _____

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKUINI?**

Jika belum pesan terus dari:



IQ COMMUNICATION

P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.

Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM15.00 untuk senaskhah buku CONSOCIATIONAL POLITIC: THE MALAY EXPERIANCE

Nama: _____

Alamat: _____

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKU INI?**

Jika belum pesan terus dari:



IQ COMMUNICATION
P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.


Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM5.00
untuk senaskhah buku APA STRATEGI MUSA HITAM.

Nama: _____

Alamat: _____

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKUINI?**

Jika belum pesan terus dari:



IQ COMMUNICATION
P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.

Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM8.00
untuk senaskhah buku ANTARA KEBAL DAN BEBAL

Nama: _____

Alamat: _____

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKU INI?**

Jika belum pesan terus dari:



IQ COMMUNICATION
P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.


Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM12.00 untuk senaskhah buku SANUSI JUNID PENCETUS IDEA PEMIKIR BANGSA.

Nama: _____

Alamat: _____

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKUINI?**

Jika belum pesan terus dari:



IQ COMMUNICATION
P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.

Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM5.00 untuk senaskhah buku DILEMA YUSOF NOOR.

Nama: _____

Alamat: _____

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKUINI?**

Jika belum pesan terus dari:



IQ COMMUNICATION
P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.

Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM8.00
untuk senaskhah buku SIAPA GUGUR.

Nama: _____

Alamat: _____

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKUINI?**

Jika belum pesan terus dari:



**IQ COMMUNICATION
P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.**


Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM15.00 untuk senaskhah buku POLITIK AKOMODASI DI SABAH

Nama: _____

Alamat: _____

**SUDAHKAH ANDA MEMILIKI
BUKUINI?**

Jika belum pesan terus dari:



IQ COMMUNICATION
P.O.BOX 10653, 50720 Kuala Lumpur.

Dengan ini saya kirimkan M.O/P.O/Cek bernilai RM22.90
(kulit tebal/17.90 (kulit nipis) untuk senaskhah buku
AKITEK BANGSA.

Nama: _____

Alamat: _____

